



# پلیتا برونئی

## PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.45 | SUBUH 4.55 | SYURUK 6.18 | DUHA 6.42 | ZUHUR 12.15 | ASAR 3.36 | MAGHRIB 6.09 | ISYAK 7.23 | Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 149

11 DISEMBER 2024 / 1446 ٩ جمادى الآخر

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

مانیسش ایمان

"DAN berikanlah kaum kerabat haknya (kebaikan dan hubungan silaturahim) dan begitu juga orang miskin serta orang musafir (yang terputus perbelanjaannya iaitu zakat dan sedekah) dan janganlah engkau membazir (membelanjakan hartamu pada jalan yang menyalahi syarak)".

- Allah Subhanahu Wata'alha berfirman dalam Surah Al-Isra', ayat 26.

## USAHA BERSEPADU HADAPI CABARAN MASA DEPAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 10 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) Ke-413 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei Shell Marketing Sendirian Berhad (BSM) Ke-191 bagi Suku Keempat Tahun 2024 pagi tadi.

>> Muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) Ke-413 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei Shell Marketing Sendirian Berhad (BSM) Ke-191 bagi Suku Keempat Tahun 2024. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.

## Setiap rakyat perlu miliki pemikiran betul, mentaliti positif

Oleh : Khartini Hamir

**TUNGKU**, Selasa, 10 Disember. - Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan merupakan hari yang penuh bermakna dan istimewa bagi semua penerima Sijil Taraf Kerakyatan yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, umur, agama dan bangsa.

Proses untuk mendapatkan Taraf Kerakyatan Brunei adalah berpegang kepada prinsip keadilan tanpa diskriminasi dan berdasarkan kepada syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Akta Taraf Kebangsaan

Brunei, Penggal 15 serta peraturan-peraturan yang berkuat kuasa pada masa ini.

Perkara berkenaan ditekankan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman semasa berucap pada Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-41 yang berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam, petang tadi.

Yang Berhormat menambah, Negara Brunei Darussalam akan mencapai 41 tahun

kemerdekaannya tidak lama lagi, justeru dengan berkat kepimpinan raja yang kita sayangi, negara berjaya mencapai kemajuan dan kejayaan sehingga dikenali di persada dunia.

"Kepimpinan bijaksana baginda juga telah berjaya membentuk masyarakat berbilang agama dan bangsa yang hidup dalam suasana aman, damai dan harmoni, sejahtera dan saling menghormati," jelas Yang Berhormat lagi.

>> Muka 5

## Mengukuhkan rangka kerja pengawalseliaan penerbangan

Siaran Akhbar : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 11 Disember. - Pada 7 Disember, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) bersama Jabatan Penerbangan Awam menyertai komuniti penerbangan global

dalam memperingati Hari Penerbangan Awam Antarabangsa.

Tema tahun ini, 'Safe Skies, Sustainable Future: Together for the Next 80 Years', menekankan peranan penting penerbangan

awam yang giat dan cekap dalam menghubungkan dunia dengan selamat sambil memperjuangkan kemampaman dan inovasi demi manfaat generasi akan datang.

>> Muka 7

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH  
**InfoDeptBN**

f Pelita Brunei @ pelitabrunei X pelitabrunei

## Berita Utama



100 pegawai, kakitangan KSSUP bersara diraikan

Muka 7



UTB, BDCB meterai MoU pacu inovasi dalam teknologi kewangan

Muka 9



PROGRAM Sivik NBD : Mengukuhkan kefahaman mengenai isu kenegaraan

Muka 11



RENCANA

HARGAI semangat keikhlasan, pengorbanan sukarelawan

Muka 20



MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha semasa berucap pada Perhimpunan Pemimpin-pemimpin Persatuan Syarikat Penerbangan Asia Pasifik Ke-68 (AAPA), Negara Brunei Darussalam pada Rabu, 13 November 2024 bertempat di The Empire Brunei.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Apsah Hajji Sahdan / Shadan

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh  
dan selamat pagi

**S**AYA berasa satu penghormatan dan keistimewaan untuk bersama-sama awda semua di sini pagi ini pada

## Wujudkan suasana kondusif, rangsang pengembalaan, perdagangan, industri pelancongan

pembukaan Perhimpunan Pemimpin-pemimpin Persatuan Penerbangan Asia Pasifik (AAPA) Ke-68. Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran semua tetamu antarabangsa kita ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

Saya berharap kita dapat menawarkan suasana yang kondusif untuk menyuarakan pandangan Ahli AAPA tentang perkara dan isu kepentingan bersama, untuk memupuk kerjasama yang erat dan mewujudkan suasana yang kondusif untuk merangsang pengembalaan, perdagangan dan industri pelancongan.

Perhimpunan tahun ini amat penting kerana pada tahun ini juga, kita akan menandakan Ulang Tahun Ke-80 Konvensyen Chicago - Konvensyen mengenai Penerbangan Awam Antarabangsa, satu peristiwa penting yang meletakkan asas bagi Penerbangan Awam Global dan peneraju kepada penubuhan Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO). Sejak penubuhannya, konvensyen itu telah menyatukan negara-negara dalam memupuk pengangkutan udara yang selamat, cekap dan adil, menyediakan rangka kerja yang terus menerus membimbangi kita.

Sejak awalnya, pengangkutan udara telah menjadi penghubung penting, menghubungkan manusia dan tempat di seluruh dunia, walaupun dalam komuniti yang paling terpencil. Peranan ini ditekankan semasa pandemik, apabila penerbangan memainkan peranan penting dalam mengangut barang keperluan termasuk vaksin, dan membawa orang ramai pulang dengan selamat di tengah-tengah cabaran yang belum pernah terjadi sebelumnya.

Oleh yang demikian, industri penerbangan

ialah sfera yang dinamik, sentiasa berkembang, sentiasa menyesuaikan diri untuk memenuhi permintaan dunia yang semakin global dan saling berhubung. Industri sedang bersiap sedia untuk transformasi penting yang akan mentakrifkan semula cara pengembalaan, menjalankan perniagaan dan berhubung antara satu sama lain. Peralihan ini dikuasakan oleh kemajuan dalam teknologi, perubahan landskap geopolitik dan penekanan yang diperbaharui terhadap kemampaman.

Oleh itu, tema, 'Jetting Into 2050 : Future Proofing Asian Aviation', agak sesuai. Beberapa tahun kebelakangan ini, pasca COVID-19, menjadi tempoh penyatuhan semula. Tahun 2024 menyaksikan pertumbuhan perjalanan udara dan kargo antarabangsa yang kukuh di mana jumlah trafik penumpang udara global telah pun menyamai dan melepas angka pra-COVID-19.

Dengan IATA meramalkan penumpang dunia meningkat sebanyak 3.8 peratus setahun secara purata, Asia Pasifik dijangka mencatatkan peningkatan terpantas dalam bilangan penumpang dan menyumbang kepada lebih separuh daripada peningkatan global serta ketersediaan bahan api penerbangan mampan, akan menjadi penting untuk mencapai cita-cita keseluruhan.

Oleh itu, tema yang memfokuskan pada masa depan - memanggil kita untuk meneroka cabaran dan peluang yang menanti di hadapan sambil kita bekerjasama untuk membentuk masa depan yang berdaya tahan dan mampan, untuk penerbangan di seluruh rantau Asia Pasifik termasuk penggunaan teknologi untuk menjadikan perjalanan udara lebih lancar dan tanpa kerumitan. Ringkasnya, bagaimanakah kita melepaskan kuasa transformatif teknologi,

kemampaman dan inovasi bertumpu penumpang.

Walau bagaimanapun, kami juga perlu mempertimbangkan cara untuk mengatasi isu rantaian bekalan semasa yang menjelaskan penghantaran tepat pada masanya pesawat, enjin, komponen dan alat ganti yang penting untuk pertumbuhan dan perjalanan yang selamat.

Dalam soal kemampaman, industri penerbangan telah menetapkan matlamat yang bercita-cita tinggi, termasuk komitmen terhadap pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050 dan aspirasi Persatuan Syarikat Penerbangan Asia Pasifik baru-baru ini, untuk mencapai lima peratus penggunaan bahan api penerbangan mampan (SAF) pada 2030. Ini bukan sekadar aspirasi tetapi tanggungjawab yang memerlukan pendekatan bersatu dan inovasi di semua peringkat.

Semasa kami mulakan perjalanan ini, adalah penting untuk menyedari bahawa syarikat penerbangan mungkin berada pada tahap yang berbeza dalam perjalanan penyahkarbonan mereka. Ia juga diakui, bahawa inovasi teknologi dan pengenalan global serta ketersediaan bahan api penerbangan mampan, akan menjadi penting untuk mencapai cita-cita keseluruhan.

Oleh itu, dalam memperjuangkan Sektor Penerbangan yang tidak berkarbon, kita mesti pragmatik dan mesti memperhebat kerjasama dalam perkongsian pengetahuan, teknologi dan sumber untuk memupuk semangat kerjasama kita dan menawarkan ketelusan kepada industri.

>> Muka 6

## WAKTU SEMBAHYANG

DISEMBOK MASIHI	HARI	JAMADILAKHIR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
11	RABU	9	4.45	4.55	6.18	6.42	12.15	3.36	6.09	7.23
12	KHAMIS	10	4.45	4.55	6.19	6.43	12.15	3.37	6.09	7.24
13	JUMAAT	11	4.46	4.56	6.19	6.43	12.15	3.37	6.10	7.24
14	SABTU	12	4.46	4.56	6.20	6.44	12.16	3.38	6.10	7.25
15	AHAD	13	4.47	4.57	6.20	6.44	12.16	3.38	6.11	7.25
16	ISNIN	14	4.47	4.57	6.21	6.45	12.17	3.39	6.11	7.26
17	SELASA	15	4.48	4.58	6.21	6.45	12.17	3.39	6.12	7.26

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU Bandar Seri Begawan	KHAMIS	JUMAAT
 31 °C 24 °C	 31 °C 24 °C	 31 °C 24 °C
 31 °C 24 °C	 31 °C 24 °C	 31 °C 24 °C
 31 °C 24 °C	 31 °C 24 °C	 31 °C 24 °C
 31 °C 24 °C	 31 °C 24 °C	 31 °C 24 °C

Wallaualam Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 11 DISEMBER 2024

### Masjid nadi pembangunan masyarakat Islam

**M**ASJID memainkan peranan yang sangat penting dalam membangunkan umat Islam dan menegakkan tamadun kehidupan yang juga disebut sebagai rumah Allah (Baitullah) mempunyai fungsi besar untuk dimanfaatkan bagi aktiviti masyarakat dalam mengadakan Majlis Ilmu, Akad Nikah, mesyuarat dan lain-lain kegiatan yang dibenarkan oleh agama.

Masjid adalah syiar Islam dan menjadi nadi pembangunan masyarakat Islam dunia dan akhirat. Ke arah itu, menjaga kebersihan masjid adalah menjadi tanggungjawab semua pihak agar kesucian tempat beribadah sentiasa dipelihara baik di dalam maupun di luarnya.

Masjid yang dirujuk sebagai rumah Allah mempunyai fungsi yang besar untuk dimanfaatkan, bukan saja sebagai tempat beribadah kepada Allah Subhanahu Wata'alaa malah menjadi pusat aktiviti masyarakat.

Oleh kerana itu menjaga kebersihan masjid adalah tanggungjawab pegawai masjid, ahli jawatankuasa takmir dan jemaahnya agar kesucian tempat beribadah ini sentiasa terpelihara sama ada di dalam atau di luar masjid.

Masjid adalah rumah Allah tempat untuk beribadah dan tempat yang sepatutnya dan selalunya untuk kita berdamping kepada-Nya kerana Rasulullah sendiri hampir sepanjang hidupnya berdamping dengan masjid mengerjakan sembahyang fardhu berjemaah.

Demi untuk memakmurkan masjid rumah Allah, setentunya mesti dalam keadaan yang bersih cantik dan indah supaya ibadah semakin nyaman dan khusyuk dengan kebersihan yang ada. Apatah lagi fadilat membersihkan dan memakmurkan masjid itu amat banyak di sisi Allah Subhanahu Wata'alaa.

Perlu diingat bahawa institusi masjid adalah merupakan institusi yang terpenting dalam pengukuhan penyebaran ajaran Islam dan pemerintahan negara yang berkesan sejak zaman Rasulullah lagi hingga masa sekarang.

Peranan masjid untuk menjadi agen yang dapat menyumbang ke arah mengukuhkan lagi akidah dan jati diri para belia, memupuk dan membimbing mereka dengan kegiatan-kegiatan yang bermanfaat, memberi nilai tambah kepada ilmu ugama dan kemahiran yang mereka perolehi bagi membentuk mereka menjadi Muslim sejati.

Justeru, ke arah menjadikan masjid sebagai institusi pendidikan, jawatankuasa masjid mungkin akan dapat meneroka rancangan-rancangan yang boleh diusahakan seperti memulakan kegiatan halaqah atau rancangan meningkatkan ilmu pengetahuan seperti membaca kitab-kitab ugama ataupun pengajian hadis.

Sehubungan itu, masjid bukan hanya sebagai tempat untuk beribadat tetapi juga sebagai tempat untuk menimba ilmu pengetahuan dan melaksanakan kegiatan sosial sebagaimana peranan masjid dalam sejarah Islam iaitu sebagai pusat kehidupan komuniti Muslim dan juga ketenteraan. Selain untuk mendidik masyarakat khususnya generasi muda atau belia untuk cinta kepada majlis-majlis ilmu, menyampaikan ilmu dan seterusnya beramal dengan ilmu bagi membentuk belia yang berwawasan.

- Ketua Penyuntingan (Zk)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

 pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرین بحد، نکارابونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Usaha bersepadu hadapi cabaran masa depan



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

## >> Muka 1

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM)

dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah selaku Ahli-ahli Lembaga Pengarah BSP dan

BSM.

Pada mesyuarat tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah yang mana baginda telah menekankan keperluan bagi kepimpinan yang kukuh, bersama dengan kepakaran teknikal, komitmen yang teguh dan usaha bersepadu kalaangan Syarikat Brunei Shell Joint Venture dan BGC

**KEBERANGKATAN** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) Ke-413 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei Shell Marketing Sendirian Berhad (BSM) Ke-191 bagi Suku Keempat Tahun 2024 di Bangunan Jabatan Perdana Menteri (kiri dan atas).

menghadapi cabaran masa depan dengan jayanya.

Mesyuarat tersebut dimulakan dengan bacaan doa dan juga dihadiri oleh pihak-pihak berkepentingan termasuk Shareholder Directors yang mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Shell plc serta ahli - ahli pengurusan daripada BSP dan BSM.

Mesyuarat telah

membincangkan bidang-bidang kritikal seperti prestasi operasi, keselamatan, kewangan dan pembangunan tenaga manusia serta menetapkan hala tuju strategik BSP dan BSM bagi tahun-tahun yang akan datang.

Mesyuarat tersebut merupakan persidangan terakhir bagi Mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah-pengarah Syarikat - syarikat Brunei Shell Joint Venture dan BGC bagi Suku Keempat Tahun 2024.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mempengerusikan mesyuarat berkenaan.



**MESYUARAT** tersebut dimulakan dengan bacaan doa (atas), manakala gambar kiri sekali dan kiri, antara yang hadir pada mesyuarat berkenaan.

# BERKENAN MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT BLNG KE-224, MESYUARAT BGC KE-110



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei LNG Sendirian Berhad (BLNG) Ke-224 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad (BGC) Ke-110 bagi Suku Keempat Tahun 2024.**

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 9 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pagi tadi berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei LNG Sendirian Berhad (BLNG) Ke-224 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad (BGC) Ke-110 bagi Suku Keempat Tahun 2024.

Mesyuarat tersebut berlangsung di Bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah selaku Ahli-ahli Lembaga Pengarah BLNG dan BGC.

Pada permulaan mesyuarat tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah yang mana baginda telah mengimbas kembali cabaran, pencapaian dan pembelajaran yang diperoleh oleh Syarikat-syarikat Brunei Shell Joint Venture (BSJV) sepanjang tahun 2024, seterusnya menggalakkan kerjasama erat dan tindakan segera antara

pihak-pihak berkepentingan dan ahli-ahli pengurusan.

Baginda turut menekankan kepentingan bagi kesemua Syarikat-syarikat BSJV untuk mengekalkan standard etika dan pematuhan yang tertinggi serta memupuk budaya integriti di semua peringkat organisasi.

Mesyuarat tersebut dimulakan dengan bacaan doa dan juga dihadiri oleh pihak-pihak berkepentingan termasuk Shareholder Directors yang mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Shell plc dan Mitsubishi Corporation serta ahli-ahli pengurusan dari BLNG dan BGC.

Mesyuarat tersebut membincangkan pelbagai bidang kritis termasuk pencapaian operasi, keselamatan, kewangan dan pembangunan tenaga manusia.

Selain itu, mesyuarat juga menetapkan hala tuju strategik BLNG dan BGC bagi tahun-tahun yang akan datang.

Selepas mesyuarat tersebut,

Kebawah DYMM juga berkenan memotong Kek Ulang Tahun bagi Memperingati Sambutan Ulang Tahun Ke-55 Syarikat BLNG sejak penubuhannya pada 9 Disember 1969, sebagai syarikat pertama di Pasifik Barat yang memulakan pencairan gas asli secara besar-besaran.

Kebawah DYMM akan

mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah - Pengarah Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) Ke-413 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah - Pengarah Brunei Shell Marketing Sendirian Berhad (BSM) Ke-191 bagi Suku Keempat Tahun 2024 pada Selasa, 10 Disember 2024.



MESYUARAT tersebut dimulakan dengan bacaan doa dan juga dihadiri oleh pihak-pihak berkepentingan termasuk Shareholder Directors yang mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Shell plc dan Mitsubishi Corporation serta ahli-ahli pengurusan dari BLNG dan BGC (kanan dan atas).

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memotong Kek Ulang Tahun bagi Memperingati Sambutan Ulang Tahun Ke-55 Syarikat BLNG.**



# SETIAP RAKYAT PERLU MILIKI PEMIKIRAN BETUL, MENTALITI POSITIF



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal dalam Negeri ketika berucap.

## >> Muka 1

Dalam pada itu tambah Yang Berhormat, pendidikan sama ada secara formal atau tidak formal, memainkan peranan penting dalam membentuk akal atau minda, sikap dan karakter seseorang berdasarkan nilai-nilai yang

termaktub dalam falsafah negara, iaitu Melayu Islam Beraja (MIB).

Jelas Yang Berhormat, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa pemasyhuran kemerdekaan terus menjadi panduan utama dalam menentukan hala tuju negara.

"Ia mengingatkan kita bahawa kemerdekaan bukan sekadar untuk diraikan tetapi sebagai pemangkin untuk terus menyumbang kepada pembangunan negara."

"Peranan kita sebagai warganegara amat penting, terutama dalam usaha bersama mencapai Wawasan Brunei 2035," ujar Yang Berhormat.

Justeru untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035 kata Yang Berhormat lagi, setiap rakyat perlu memiliki pemikiran yang betul dan mentaliti yang positif.

Tambah Yang Berhormat, pemikiran yang betul berkenaan bermaksud memahami peranan kita sebagai rakyat yang bertanggungjawab, sentiasa bersedia untuk berubah ke arah

yang lebih baik serta terbuka kepada kemajuan.

"Dengan mentaliti ini, kita dapat bersama-sama menyokong matlamat negara untuk menjadi sebuah negara yang dikenali dengan rakyat yang berpendidikan tinggi, kualiti hidup yang baik dan ekonomi yang mampan."

"Dalam era globalisasi yang semakin pantas berubah, pendidikan dan pembangunan modal insan kekal menjadi keutamaan negara."

"Rakyat yang berkemahiran tinggi, berdaya tahan dan inovatif amat diperlukan untuk terus bersaing dan menyumbang kepada pembangunan negara," ujar Yang Berhormat.

Selain daripada kemahiran teknikal terang Yang Berhormat, nilai-nilai seperti disiplin, kreativiti dan sikap positif juga amat penting dalam membentuk modal insan yang berkualiti tinggi.

"Dalam erti kata lain, pembangunan negara memerlukan usaha bersepada, strategik dan berterusan di semua peringkat,

yang lebih baik serta terbuka kepada kemajuan.

iaitu daripada dasar kerajaan hingga inisiatif masyarakat.

"Peranan individu, keluarga, dan institusi pendidikan juga tidak kurang pentingnya dalam menanamkan asas nilai, kemahiran dan semangat inovasi."

"Pada masa yang sama, kerjasama antara pihak kerajaan, sektor swasta, dan masyarakat bukan sahaja penting tetapi perlu diperkuuh melalui *smart partnerships*, inisiatif bersama, dan sokongan berterusan."

"Ini adalah kunci untuk membina negara yang kukuh, progresif, dan mampu menghadapi cabaran global dengan penuh yakin," ujar Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat dalam ucapannya merafakkan setinggi junjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana telah mengurniakan titah perkenan baginda bagi para penerima menjadi rakyat baginda secara pendaftaran sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Taraf Kebangsaan, Penggal 15.

"Kita selaku rakyat dan penduduk di negara ini perlu bersyukur mempunyai raja yang berjiwa rakyat, raja yang pemeduli dan raja yang penyayang yang sentiasa *mengalinga* dan prihatin terhadap rakyat dan penduduk di negara ini."

"Sikap kasih sayang baginda terhadap rakyat dan penduduk tidak pernah luntur, malah sentiasa meneckankan perjuangan agama, kemajuan ekonomi dan pendidikan, penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam dan banyak lagi, demi kesejahteraan rakyat dan penduduk baginda," ujar Yang Berhormat lagi.

## 468 terima Sijil Taraf Kerakyatan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil-sijil kepada para penerima (atas dan atas kanan).

**TUNGKU**, Selasa, 10 Disember. – Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) petang tadi mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-41 yang berlangsung di Dewan

Canselor, Universiti Brunei Darussalam, di sini.

Seramai 468 penerima Sijil Taraf Kerakyatan yang telah mendapat limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerima sijil kerakyatan mereka masing-masing.

Penyampaian Sijil - sijil Taraf Kerakyatan berkenaan disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman.

Para penerima adalah terdiri daripada mereka yang memohon Taraf Kerakyatan Negara Brunei Darussalam di bawah Akta Taraf Kebangsaan Brunei, Penggal 15, iaitu di bawah Bab 5(1) dan 8(1)

Ujian Bahasa Melayu secara berbilis dan Ujian Bahasa Melayu secara lisan, Bab 6(1) iaitu terdiri daripada anak-anak kepada ibu warganegara Brunei, anak-anak kepada ayah warganegara Brunei dan anak-anak angkat kepada ibu bapa angkat warganegara Brunei dan juga di bawah Bab 5(6) terdiri daripada isteri-isteri kepada suami warganegara Brunei Darussalam.

Turut hadir ialah Yang



Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, KHEDN; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan KHEDN, serta pegawai - pegawai dan kakitangan JIPK.

Terdahulu, Pemangku Pengarah Imigresen dan Pendaftaran

Kebangsaan, Dayang Liza Suriani binti Haji Ibrahim dalam ucapan alu-aluannya berharap kepada para penerima Sijil Taraf Kerakyatan berkenaan akan dapat menghargai pengurnian ini dengan mencurahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi serta mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa di negara ini dari semasa ke semasa.

**سورو هنجاي فر خدمت عنوان**  
SURUHJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN



## ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

**BARU**

**PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN**

- Kelulusan Pendidikan Tinggi**  
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**  
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- Tamat Persekolahan**  
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja

### MUATNAIK DOKUMEN

- Maklumat Peribadi**  
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- Maklumat Lesen Memandu**
- Kelulusan Pendidikan Tinggi**  
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**
- Tamat Persekolahan**  
(Sijil berhenti Sekolah)



### PENGALAMAN KERJA

- Pengalaman Kerja Kerajaan**  
menandakan ✓ pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kalkangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mulai dalam tanda gaji / tanda gaji / nama jawatan yang betul
- Pengalaman Kerja Swasta**
- Pengalaman Kerja Beruniform**
- Pengalaman Bekerja Sendiri**
- Penempatan Kerja**
- Tidak Bekerja**



### PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- Kelayakan Profesional**
- Peperiksaan Kesetiaan**
- Kemahiran Bahasa**
- Lain-Lain Kemahiran**



### PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- Peperiksaan Kerajaan**
- Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)**
- Kursus Induksi Perkhidmatan Awam**
- Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)**
- Program Pembangunan Eksekutif**



# 10 TERIMA SIJIL PEMANDU PEMERHATI BURUNG



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 9 Disember.—Seramai 10 peserta yang telah lulus menamatkan kedua-dua ujian teori dan praktikal bagi Basic Bird Watching Specialized Tourist Guide Course menerima sijil masing-masing pada Majlis Penyampaian Sijil bagi kursus berkenaan yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber - Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat

dan seterusnya menyampaikan sijil kepada para peserta, Menteri Sumber - Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Kursus yang diadakan bermula 4 hingga 13 November 2024 berkenaan mendakwaan kursus pertama yang dianjurkan melalui kerjasama antara Jabatan Kemajuan Pelancongan (JKP), KSSUP serta Kolej Perniagaan Laksamana (LCB), institusi yang dilantik untuk



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil kepada para peserta (atas dan atas kiri). Manakala gambar bawah kanan, sekitar majlis yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

mengendalikan kursus berkenaan di Negara Brunei Darussalam.


Khusus bagi peminat burung yang ingin menjadikan minat berkenaan sebagai profesion, kursus tersebut menyediakan pengetahuan khusus dan kemahiran praktikal semasa mengendalikan lawatan memerhati burung.

Kursus berkenaan meliputi teknik teori dan praktikal, termasuk cara mengendali lawatan di lokasi yang banyak dengan burung, mengenal pasti dan memerhati

pelbagai spesies burung menggunakan teleskop, buku garis panduan, teropong dan aplikasi memerhati burung serta mengamalkan aktiviti yang bertanggungjawab dan beretika bagi mengurangkan gangguan kepada burung dan habitatnya.

Dengan menerima Sijil Bird Watching Specialized Tourist Guide yang diiktiraf dan dikeluarkan oleh JKP, para peserta kursus kini mencapai kerja yang menguntungkan sebagai Pemandu Pelancong khusus pemerhati burung dengan menawarkan pengalaman unik sambil memberi tunjuk ajar kepada pengunjung mengenai burung, pemuliharaan dan kesedaran alam sekitar.

Kursus Basic Bird Watching Specialized Tourist Guide



Course seterusnya akan diadakan pada Januari atau Februari 2025 di LCB.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi JKP menerusi talian +673 2382822.

## Terokai kerjaya sebagai Pemandu Pemerhati Burung

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 9 Disember. — Bagi peminat burung yang ingin menjadikan minat mereka sebagai profesion, kerjaya sebagai Pemandu Pemerhati Burung setentunya menawarkan peluang unik untuk meneroka alam semula jadi, berkongsi pengetahuan dan menyumbang kepada usaha pemuliharaan.

Antara kemahiran dan kelayakan untuk menjadi Pemandu Pemerhati Burung yang berjaya ialah pengetahuan mendalam tentang burung, iaitu pemahaman yang kukuh tentang pengenalan burung, tingkah laku dan ekologi; kemahiran

pemerhatian yang cemerlang, iaitu keupayaan untuk mengesan burung dalam pelbagai persekitaran dan kemahiran komunikasi yang berkesan iaitu keupayaan untuk menyampaikan maklumat dengan jelas dan menarik.

Selain itu, kecerdasan fizikal, iaitu keupayaan untuk mendaki dan menghabiskan masa yang lama di luar rumah; pemerhatian burung sering memerlukan kesabaran dan ketekunan serta mendapatkan Sijil Kursus Pemandu Pelancong Terlatih Permerhatian Burung Asas daripada institusi yang dilantik

oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Antara peranan Pemandu Pemerhati Burung adalah menyusun dan menjalankan lawatan pemerhati burung di lokasi-lokasi tertentu yang terkenal dengan kepelbagaiannya spesies burung; mengenal pasti pelbagai spesies burung dengan menggunakan garis panduan, aplikasi burung, teropong dan teleskop dan berkongsi pengetahuan iaitu mengajar peserta tentang tingkah laku burung, ekologi dan pemuliharaan.

Di samping itu, peranan pemandu dikehendaki untuk menyediakan atau menyewakan peralatan pemerhati burung yang penting seperti teropong serta garis panduan dan memastikan pemerhati burung yang beretika, iaitu menggalakkan amalan pemerhati burung yang bertanggungjawab seperti meminimumkan gangguan kepada burung dan habitat mereka.

Kerjaya sebagai Pemandu Pemerhati Burung menawarkan pelbagai ganjaran seperti menikmati suasana alam semula jadi, berkongsi pengetahuan, peluang perjalanan dan kepuasan peribadi.

Bagi mereka yang berminat mengenai burung dan ingin berkongsi pengetahuan dengan orang lain, kerjaya sebagai Pemandu Pemerhati Burung boleh menjadi pengalaman yang sangat memuaskan.

Dengan mengejar kerjaya sebagai Pemandu Pemerhati Burung, individu bukan sahaja dapat menikmati keindahan alam semula jadi tetapi juga menyumbang kepada pembangunan mampan industri pelancongan di Brunei.

## HALUAN

### >> Muka 2

Sehubungan dengan itu, saya dengan sukacitanya berkongsi bahawa NBD, melalui Jabatan Penerangan Awam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi telah menghasilkan Pelan Tindakan Negara Brunei Darussalam Mengenai Pengurangan Pelepasan Penerbangan yang menggariskan strategi dan inisiatif untuk mengurangkan karbon dioksida (CO<sub>2</sub>) daripada penerbangan antarabangsa, termasuk faedah tambahan daripada penambahbaikan lapangan terbang.

Inisiatif masa depan, tindakan dan peluang kerjasama yang akan menyumbang ke arah meningkatkan kecekapan bahan api dan pengurangan emisi-emisi CO<sub>2</sub> terletak di bawah empat unit utama ini iaitu : Langkah Operasi; Teknologi; Langkah Berdasarkan Pasaran dan Bahan Api Penerbangan Mampan.

Dalam hal ini, serta perkara-perkara penting dan halangan lain, yang dihadapi dalam industri penerbangan, saya percaya perhimpunan ini menawarkan peluang yang tidak ternilai, untuk bertukar-tukar pandangan, membincangkan strategi yang berkesan, dan menjalin perkongsian yang akan membolehkan kita secara mampan, memenuhi aspirasi dan cabaran yang ditimbulkan oleh dunia yang pesat berubah. Saya percaya bahawa dialog yang diadakan di sini akan membentuk penyelesaian praktikal, kepada penerbangan masa hadapan - kalis di rantau Asia-Pasifik.

Sambil kita melihat ke arah 2050 dan seterusnya, saya menggalakkan semua untuk menggunakan masa ini untuk membina perkongsian yang lebih kukuh, bertukar-tukar pandangan yang berharga dan mewujudkan lajuan untuk industri kita mengemudi peluang dan cabaran masa hadapan.

Di samping itu, jangan lupa untuk menikmati pemandangan dan kemeriahan NBD dengan merasai sendiri apa yang boleh kami tawarkan sebagai destinasi pelancongan. Negara kami amat berbesar hati untuk menjadi tuan rumah kepada awda, dan saya percaya bahawa awda akan mengalami keunikan semasa penginapan awda dan menarik awda untuk melawat lagi ke NBD.

Sebelum membuat kesimpulan, izinkan saya juga merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Kapten Sabirin bin Haji Abd. Hamid kerana menyandang jawatan Pengerusi Perhimpunan Pemimpin-pemimpin AAPA Ke-68 dan untuk mengacarakan acara itu dengan penuh hormat.

Saya doakan awda semua berjaya dan perbincangan yang membawa hasil.

Terima kasih.  
Wabillahit Taufik Walhidayah,  
Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.

**NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN**

**Fikir sebelum beli**

"buleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

**Jadi pengguna yang bertanggungjawab**

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Pertubuhan Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

# 100 PEGAWAI, KAKITANGAN KSSUP BERSARA DIRAIKAN



Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 9 Disember. - Kementerian Sumber - Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) pagi tadi mengadakan Majlis Penghargaan Pesara-pesara KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 2022

dan 2023 Masihi bertempat di Dewan Setia Pahlawan, kementerian berkenaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji

YANG Berhormat Menteri Sumber - Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penghargaan Pesara - pesara KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 2022 dan 2023 Masihi.

Abdul Manaf bin Haji Metussin. Turut hadir ialah Setiausaha Tetap, Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis terdahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan Doa Selamat.

Yang Berhormat Menteri Sumber - Sumber Utama dan Pelancongan seterusnya menyampaikan sijil perkhidmatan dan cenderahati kepada pesara-pesara KSSUP serta jabatan-jabatan



ANTARA yang hadir pada Majlis Penghargaan berkenaan.

di bawahnya.

Pada tahun 2022 dan 2023, seramai 100 pegawai dan kakitangan KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya telah bersara.

Majlis seumpama ini diadakan

bertujuan untuk meraikan para pesara dan sebagai tanda penghargaan di atas jasa dan sumbangannya. Bakti mereka sepanjang berkhidmat di kementerian ini serta jabatan-jabatan di bawahnya.

## Mengukuhkan rangka kerja pengawalseliaan penerbangan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

### >> Muka 1

Sebagai ahli berdedikasi Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (International Civil Aviation Organization-ICAO), Negara Brunei Darussalam (NBD) menyokong sepenuhnya dan gigih dalam menyokong misi global untuk meningkatkan keselamatan penerbangan, keselamatan dan kelestarian alam sekitar.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha dalam perutusannya sempena Hari Penerbangan Awam Antarabangsa 2024.

Menurut Yang Berhormat, tema tahun ini juga menekankan kepentingan sumbangan Sektor Penerbangan dalam menangani perubahan iklim bagi menyokong usaha global untuk mengurangkan pelepasan karbon dan menggalakkan amalan mampan melalui penggunaan teknologi yang lebih cekap.

Selaras dengan komitmen berkenaan tambah Yang Berhormat, MTIC melalui Jabatan Penerbangan Awam akan terus bekerjasama secara aktif dengan pihak berkepentingan di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.

"MTIC melalui Jabatan Penerbangan Awam mengutamakan usaha untuk mengukuhkan rangka kerja pengawalseliaan penerbangan secara konsisten. Sebagai sebahagian daripada komitmen ini, MTIC dan Jabatan Penerbangan Awam akan memastikan bahawa semua pensijilan dan amalan pengawasan sejajar dengan piawaian antarabangsa untuk memberi keyakinan yang lebih besar dalam kalangan penumpang, dan memacu pertumbuhan yang berdaya tahan dan mampan dalam

#### Sektor Pengangkutan Udara.

MTIC bersama-sama dengan Jabatan Penerbangan Awam akan memperkuuh rangka kerja kawal selia penerbangan dengan penganjuran bengkel dan aktiviti pembangunan kapasiti terhadap keselamatan, sekuriti, dan kelestarian penerbangan sambil kekal teguh dalam memupuk inovasi dan kerjasama," kata Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan dengan berbuat demikian, MTIC bersama-sama dengan Jabatan Penerbangan Awam berhasrat untuk memastikan NBD boleh menyumbang dalam membentuk masa depan penerbangan untuk generasi akan datang.

Tahun ini, kata Yang Berhormat, Jabatan Penerbangan Awam telah menganjurkan beberapa siri bengkel dalam keselamatan dan sekuriti penerbangan untuk meningkatkan kesiapsiagaan dan keupayaan bagi pihak berkuasa penerbangan, pengendali lapangan terbang dan pihak berkepentingan penerbangan seperti berikut.

"Bengkel Keselamatan Penerbangan berkenaan bertujuan untuk meningkatkan piawaian keselamatan dalam menyediakan Safe Skies melalui kerjasama dengan EU-ASEAN Sustainable Connectivity Package - Aviation Partnership Project (SCOPE-APP) dan Singapore Aviation Academy bagi memberi fokus dan sokongan kepada NBD dalam menyemak dan melaksanakan State Safety Programme (SSP) & Safety Management Systems (SMS) selaras dengan ICAO Annex 19.

"Selain itu, Latihan Resolution of Safety Issues telah dijalankan dan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan penerbangan untuk menangani strategi bagi mengenal pasti, menilai dan menyelesaikan safety concern penerbangan seperti yang di dalam

garis panduan International Civil Aviation Organisation (ICAO).

"Bengkel Sekuriti Penerbangan seiring dengan inisiatif keselamatan, jabatan juga telah bekerjasama dengan Cooperative Aviation Security Programme - Asia Pacific (CASP-AP) dalam meningkatkan kapasiti pihak berkepentingan untuk menilai dan mengurangkan risiko dalam keselamatan penerbangan," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat dalam perutusannya juga turut mengongsikan Bengkel ICAO Aviation Security Risk Management bersama-sama dengan latihan untuk Aviation Security Supervisor dan Abnormal Behaviour Detection telah dijalankan untuk melengkapkan tenaga kerja sekuriti penerbangan dengan kemahiran dan pengetahuan lanjut untuk mengawasi dan mengekalkan piawaian sekuriti serta menyediakan kapakan untuk mengenal pasti dan menguruskan risiko sekuriti yang ditimbulkan oleh tingkah laku abnormal dalam persekitaran penerbangan.

Tambah Yang Berhormat lagi, Bengkel Alam Sekitar berkenaan memudahkan kerjasama antara pihak berkuasa penerbangan, pengendali syarikat penerbangan dan pembekal bahan api untuk menangani cabaran dan membangunkan pelan tindakan untuk penggunaan Bahan Api Penerbangan Mampan (Sustainable Aviation Fuels-SAF). Selain itu, NBD telah berjaya menghadapkan State Action Plan on Aviation Emission, menekankan dedikasi kami dalam usaha tindakan iklim global dan amalan penerbangan mampan.

Mengenai keselamatan pelayaran, kata Yang Berhormat, MTIC melalui Jabatan Penerbangan Awan telah melaksanakan Instrument Landing System (ILS) dan Doppler VHF Omni Directional Range/Distance Measuring Equipment (DVOR/DME), projek yang

disampaikan melalui Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-11.

Selain itu tambah Yang Berhormat, sistem Primary Surveillance Radar (PSR) dan Monopulse Secondary Surveillance Radar (MSSR) juga sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada 2025. Penambahbaikan berkenaan akan meningkatkan lagi keselamatan dan kecekapan operasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan mempromosi pertumbuhan dalam sektor pengangkutan udara.

"Pada kesempatan ini, peramba / kaola ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua profesional penerbangan, pihak berkuasa, pakar industri dan semua kakitangan yang secara langsung atau tidak langsung dalam memberikan sumbangan kepada kelancaran operasi penerbangan dalam memastikan penerbangan



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa menyampaikan perutusan sempena memperingati Hari Penerbangan Awam Antarabangsa.

awam terus kekal berdaya tahan dan adaptif terhadap cabaran semasa.

"Dengan resolusi *Together for the next 80 years*, mari kita terus bekerjasama dan berinovasi untuk membentuk masa depan di mana penerbangan terus menghubungkan dunia sambil melindungi bumi kita untuk generasi akan datang," ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusannya.

**"BENGKEL Keselamatan Penerbangan berkenaan bertujuan untuk meningkatkan piawaian keselamatan dalam menyediakan Safe Skies melalui kerjasama dengan EU-ASEAN Sustainable Connectivity Package - Aviation Partnership Project (SCOPE-APP) dan Singapore Aviation Academy bagi memberi fokus dan sokongan kepada NBD dalam menyemak dan melaksanakan State Safety Programme (SSP) & Safety Management Systems (SMS) selaras dengan ICAO Annex 19.**

**"Selain itu, Latihan Resolution of Safety Issues telah dijalankan dan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan penerbangan untuk menangani strategi bagi mengenal pasti, menilai dan menyelesaikan safety concern penerbangan seperti yang di dalam garis panduan International Civil Aviation Organisation (ICAO).**

# SHENA LANCARKAN KOD AMALAN

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**ANGGEREK DESA**, Selasa, 10 Disember. – Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) terus berusaha untuk mencapai piawaian - piawaian yang tinggi dalam keselamatan dan kesihatan di tempat kerja (WSH) dengan melancarkan Kod Amalan Sistem Pengurusan WSH serta Pendaftaran bagi Juruaudit WSH.

Majlis tersebut dihadiri oleh Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Salminan bin Haji Burut selaku tetamu kehormat.

Ketua Pegawai Eksekutif SHENA, Awang Haji Muhsin bin Ahmad dalam ucapannya berkata tenaga kerja yang selamat dan berdaya tahan tidak diragukan lagi merupakan salah satu tonggak kemajuan Negara Brunei Darussalam.

Namun tambahnya, ini dengan mudah terganggu jika keselamatan tempat kerja dibiarkan tanpa pemantauan dan terdedah kepada bahaya serta risiko. Oleh itu, untuk memastikan perkara ini, kita mesti mengutamakan keselamatan dan kesihatan tempat kerja dan salah satu langkah penting adalah memastikan kita mempunyai profesional yang kompeten dan berkelayakan yang boleh menilai, mengenal pasti dan mengurangkan risiko. Inilah di mana peranan Juruaudit WSH menjadi sangat penting.

Dalam pelancaran Kod Amalan tersebut, SHENA telah menekankan fungsi Kod Amalan tersebut yang bertindak sebagai panduan dan rujukan bagi pengurusan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dengan menggunakan pendekatan yang sistematis untuk mengenal pasti, menilai dan mengawal risiko bagi

mencegah kemalangan dan penyakit pekerjaan di tempat kerja.

Garis panduan komprehensif ini menekankan 14 elemen penting berkaitan dengan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan yang berkesan seperti yang digariskan dalam Jadual Kedua Peraturan WSH (Peruntukan Am) serta kepentingan komitmen di peringkat pengurusan melalui dasar WSH.

Kod Amalan ini telah diedarkan kepada organisasi sektor swasta yang berkaitan dan juga tersedia di laman sesawang SHENA. Kod Amalan ini bukan sahaja sebagai rujukan untuk Juruaudit WSH akan tetapi juga sebagai alat praktikal untuk organisasi yang ingin mencapai penambahaikan berterusan dalam prestasi keselamatan tempat kerja.

Sempena pelancaran Kod Amalan tersebut, SHENA turut mengumumkan pendaftaran Juruaudit WSH yang mana ia



**SETIAUSAHA** Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Kod Amalan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Di Tempat Kerja (WSH) serta Pendaftaran bagi Juruaudit WSH.

adalah satu keperluan di bawah Bab 32 Akta WSH (Penggal 277) dan juga akan mendukung objektif Kod Amalan pada mana Juruaudit yang berdaftar adalah bertanggungjawab bagi melaksanakan pengauditan sistem pengurusan WSH.

Majlis turut dihadiri oleh pengurusan kanan, pegawai dan

kakitangan SHENA serta wakil-wakil daripada sektor swasta.

Bagi sebarang maklumat mengenai Kod Amalan berkenaan dan pendaftaran Juruaudit WSH, bolehlah mengunjungi laman sesawang SHENA di [www.shena.gov.bn](http://www.shena.gov.bn) dan ikuti Instagram @shena.gov.bn.

## Permuzakarah bersama pihak berkepentingan dalam kendalian kursus haji, umrah



RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) bergambar ramai semasa sesi Perbincangan Meja Bulat Kursus Haji dan Umrah.

Siaran Akhbar dan Foto : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 10 Disember. - Ke arah mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) menjadi pelopor bagi memperkasa pendidikan agama dan peneraju kepada dasar pendidikan patuh syarak, satu sesi Perbincangan Meja Bulat Kursus Haji dan Umrah diadakan pagi tadi antara Pusat Latihan dan Peningkatan Kompetensi, KUPU SB bersama Jabatan Urusan Haji (JUH), Kementerian Hal Ehwal Ugama dan operator-operator perkhidmatan Pakej Haji dan Pakej Umrah Negara Brunei Darussalam.

Perbincangan Meja Bulat berkenaan berlangsung di

Dewan Tarbiah, KUPU SB.

Hadir mempengerusikan perbincangan berkenaan, Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Turut hadir ialah Pemangku Pengarah Urusan Haji KHEU, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali serta pegawai-pegawai kanan KUPU SB dan JUH.

Perbincangan Meja Bulat berkenaan dihasratkan menjadi wadah permuzakarah dan kerjasama antara KUPU SB bersama pihak-pihak yang berkepentingan dalam merealisasikan inisiatif kolej universiti berkenaan untuk menyediakan khidmat kursus haji dan umrah di bawah kelolaan Pusat Latihan dan Peningkatan Kompetensi.

### مقرنکن اقليکاسي موده الیه جابتني ڦرگن



Dapatkan aplikasi dan muat turun di

[Available on the App Store](#) [GET IT ON Google Play](#)

**Memperkenalkan**  
**Aplikasi Mudah Alih**  
**Jabatan Penerangan**

**InfoDeptBN**

- Memudahkan Pengguna Mendapat Berita Terkini
- Meningkatkan Perkongsian Maklumat
- Pelaksanaan Yang Cepat Dan Mudah
- Menjurus Ke Arah Paperless Dan Green IT

**Gunakanlah Aplikasi Kami!**

**'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'**

# Pemenang Peraduan Video Pendek Anti-Rasuh 2024 dirai



PENGARAH Biro Mencegah Rasuah, Datin Paduka Hajah Anifa Rafiza binti Haji Abdul Ghani hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Video Pendek Anti-Rasuh 2024.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 9 Disember. - Sempena Sambutan Hari Anti-Rasuh Antarabangsa (HARA) 2024, Biro Mencegah Rasuah (BMR) menganjurkan Peraduan Video Pendek Anti-Rasuh 2024 dengan tema 'Bersatu Membanteras Rasuah'.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Hadiah bagi peraduan berkenaan diadakan pada hari ini bertempat di Ibu Pejabat BMR, Berakas.

Hadir bagi menyempurnakan majlis, Pengarah BMR, Datin Paduka Hajah Anifa Rafiza binti Haji Abdul Ghani selaku tetamu

kehormat.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah, diikuti dengan ucapan daripada Pengarah BMR. Majlis diteruskan lagi dengan tayangan video bagi 11 penyertaan yang memenangi hadiah peraduan dan mendapat Anugerah Pilihan BMR.

Kemuncak majlis berkenaan ialah menyaksikan pengumuman dan penyampaian hadiah kepada para pemenang bagi Peraduan Video Pendek Anti-Rasuh sempena HARA 2024 dan juga penerima Anugerah Pilihan BMR. Penilaian dan pengakiman dibuat

berdasarkan kepada isi kandungan, kreativiti dan kualiti.

Pemenang tempat pertama ialah Kumpulan Matters of Choice @matters.oc dan menerima hadiah wang tunai BND2,000 dengan video bertajuk 'Price of Corruption', manakala tempat kedua ialah Awang Muhammad Firdaus bin Haji Ibrahim dan menerima hadiah wang tunai BND1,500 dengan video bertajuk 'Rasuah Menghancurkan Masa Depan Keluarga', sementara tempat ketiga ialah Kumpulan Drama Pondok dan memenangi hadiah wang tunai BND1,000 dengan video bertajuk

## Siaran Akbar dan Foto : Biro Mencegah Rasuah

'Kejujuran'.

Manakala tiga pemenang saju hati menerima hadiah wang tunai BND700, iaitu Kumpulan Project Rataie; Awang Mohamad Zulnazri Donglah; dan Kumpulan Grade A Production.

BMR juga telah membuat penilaian ke atas lima peserta lain untuk dipilih bagi menerima Anugerah Pilihan BMR sebagai tanda penghargaan ke atas usaha dan kesungguhan mereka dalam menghasilkan video anti rasuh yang berkualiti serta mampu memberi impak kepada penonton.

Peserta yang menerima Anugerah Pilihan BMR ialah Widuri Haji Maidin; Kumpulan Stellar; Awang Muhammad Aqil Faiz Abdullah; Kumpulan Tim Sebatang Sentol dan Awang Syed Harith Syed Rozman yang masing-masing menerima hadiah wang tunai BND200.

Peraduan yang dianjurkan sempena HARA 2024 berkenaan dibukukan kepada orang ramai bermula 24 Oktober sehingga 30 November 2024 dan telah menerima 42 buah penyertaan daripada penuntut sekolah rendah, menengah, Institusi Pengajian Tinggi, penjawat awam, pekerja swasta dan juga freelance.

Ia merupakan salah satu inisiatif BMR dalam mempelbagaikan strategi memerangi gejala rasuh dan pada masa yang sama juga

meningkatkan kesedaran orang ramai serta menggalakkan penglibatan dan kerjasama antara BMR dan orang ramai dalam memerangi rasuh.

Selain daripada menganjurkan Peraduan Video Pendek Anti-Rasuh 2024, bersempena dengan Sambutan HARA tahun ini, sebuah Khutbah Jumaat bertajuk 'Penerapan Integriti Dalam Pekerjaan' juga telah dibacakan di semua masjid dan surau di Negara Brunei Darussalam (NBD) pada Jumaat, 29 November 2024, dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Antara inti pati khutbah berkenaan menekankan bahawa pekerja yang berintegriti harus menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan penuh disiplin dan tingkah laku dengan adab dan moral yang tinggi. Mereka juga perlu bijak dalam membezakan antara perbuatan yang benar dan salah.

Sambutan HARA berkenaan diraikan pada setiap 9 Disember, sempena memperingati penglibatan dan komitmen NBD sebagai salah sebuah negara ahli kepada Konvensyen Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu Menentang Rasuh atau United Nations Convention Against Corruption (UNCAC), sejak menandatangani konvensyen berkenaan, pada 2003.

# UTB, BDCB METERAI MOU PACU INOVASI DALAM TEKNOLOGI KEWANGAN

Oleh : Pg. Vivy Maessa Pg. Ibrahim

Foto : Azmah Haji Ahad



MAJLIS Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi memacu inovasi dalam teknologi kewangan, penyelidikan dan pembinaan kapasiti yang berlangsung di Bilik Persidangan Utama, Universiti Teknologi Brunei (atas dan atas kanan).

**TUNGKU LINK**, Selasa, 10 Disember. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) hari ini telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi memacu inovasi dalam teknologi kewangan, penyelidikan dan pembinaan kapasiti yang berlangsung di Bilik Persidangan Utama, UTB.

MoU tersebut telah ditandatangani oleh Pemangku Naib Canselor UTB, Dr. Awang Mohamad Saiful bin Haji Omar dengan disaksikan oleh Pendaftar dan Setiausaha UTB, Lim Chui Hua bagi pihak UTB. Sementara Pengarah Urusan (Operasi Monetori / Perkembangan dan Antarabangsa) BDCB, Dayang Hajah Noorafidah binti Sulaiman

dengan disaksikan oleh Pengarah Eksekutif, Strategi Komunikasi dan Celik Kewangan BDCB, Dayangku Sri Joedianna binti Pengiran Haji Mohammed.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Dr. Awang Mohamad Saiful dan diteruskan dengan ucapan daripada Dayang Hajah Noorafidah.

Perkongsian strategik ini mewakili rangka kerja yang komprehensif untuk kerjasama yang akan memanfaatkan kelebihan dan kepakaran unik kedua-dua institusi. Memorandum itu juga mewujudkan platform yang kukuh untuk penglibatan bersama dan memberi tumpuan kepada mewujudkan sinergi antara penyelidikan akademik dan kepakaran dalam Sektor

Kewangan.

Perkongsian ini merangkumi pelbagai inisiatif kerjasama termasuk projek penyelidikan bersama yang akan menerokai penyelesaian inovatif dalam teknologi kewangan dan pembangunan ekonomi. Kedua-dua institusi komited untuk menganjurkan acara kerjasama, simposium dan bengkel yang akan memberikan pandangan berharga dan peluang perkongsian pengetahuan untuk profesional dan juga ahli akademik.

Pembangunan penerbitan berdiri sebagai salah satu lagi aspek perkongsian yang kritikal dengan rancangan untuk menghasilkan penerbitan akademik dan profesional bersama yang akan menyumbang kepada pemahaman yang lebih luas tentang landskap kewangan dan teknologi.

Di samping itu, MoU itu juga meneckankan pembinaan kapasiti, mewujudkan profesional program pembangunan yang akan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan untuk kedua-dua institusi dan komuniti profesional yang lebih luas.

Maklumat dan pertukaran data muncul sebagai komponen utama kerjasama, membolehkan UTB dan BDCB berkongsi pandangan kritis, penemuan penyelidikan dan pendekatan inovatif. Selain itu, MoU tersebut juga menjanjikan untuk menjana penyelidikan yang bermakna dan menyokong pembangunan penyelesaian termaju dalam domain kewangan dan teknologi.

Tambahan lagi, BDCB baru-baru ini telah menganugerahkan UTB the Financial Inclusion Demand-



Side Survey, yang bertujuan untuk mengukur tahap dan kualiti kemasukan kewangan, mewujudkan cerapan perbandingan dengan tinjauan terdahulu yang dijalankan pada tahun 2020 dan mengenal pasti halangan serta memberikan cadangan untuk menangani jurang yang sedia ada dalam

mengejar rangkuman kewangan yang lebih besar di Negara Brunei Darussalam.

MoU ini mencerminkan komitmen antara kedua-dua pihak untuk memajukan pengetahuan, memupuk inovasi dan menyumbang ketara kepada pembangunan ekonomi dan pendidikan di negara ini.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun PenggunaBijak

# Cara Berkumur-Kumur Dan 'Istinsyaq' Ketika Berwudhu'

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

**B**ERKUMUR-kumur dan memasukkan air ke hidung (*istinsyaq*) ketika berwudhu' hukumnya adalah sunat kerana *ittiba'* iaitu mengikut perbuatan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam. Hikmah atau faedah mendahului wudhu' dengan membasuh dua tangan sehingga pergelangan tangan, berkumur-kumur dan *istinsyaq* antaranya ialah supaya seseorang dapat mengetahui jika ada perubahan pada sifat-sifat air yang digunakannya itu melalui rasa, bau dan warna selain daripada mengetahui perkara tersebut dengan melihatnya.

Berkumur-kumur dilakukan selepas membasuh dua tangan sehingga pergelangan tangan. Manakala *istinsyaq* pula dilakukan selepas berkumur-kumur. Berkumur-kumur dan *istinsyaq* juga sunat dilakukan sebanyak tiga kali. Berkumur-kumur dan *istinsyaq* ketika berwudhu' itu disebut dalam satu riwayat daripada 'Amr bin 'Abasah Radhiallahu 'anhuma bahawa Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

**Maksudnya:** Tidaklah seseorang jelaki di antara kamu mendekatkan air untuk berwudhu' lalu dia berkumur-kumur dan memasukkan air ke dalam hidung lalu dia menghembuskan (apa yang ada di dalam hidung) melainkan gugur dosa-dosa (kecil) mukanya, mulutnya dan khaisumnya (bahagian paling atas hidung).

(Hadits riwayat Muslim)

Berkaitan dengan perbuatan berkumur-kumur dan *istinsyaq* ini, timbul kekeliruan orang ramai mengenai cara yang betul dalam melakukan kedua-duanya berikutnya adanya dakwaan sebahagian orang bahawa cara berkumur - kumur dan *istinsyaq* yang betul itu ialah dengan mengambil satu cedok air memenuhi tapak tangan kemudian berkumur-kumur sekali dan *istinsyaq* sekali, kemudian mengulanginya sehingga cukup tiga kali berkumur-kumur dan *istinsyaq*. Persoalannya adakah cara ini yang menepati sunat wudhu'? Berikut penjelasan mengenainya.

Berkumur-kumur ialah memasukkan air ke dalam mulut dan disuntukan mengambil air menggunakan tangan kanan. Sekurang-kurangnya berkumur-kumur itu ialah dengan memasukkan air ke dalam mulut walaupun tidak mengocak-ngocakkan air tersebut di dalam mulut dan walaupun tidak diluahkannya daripada mulut. Manakala berkumur-kumur yang sempurna (*akmal*)

ialah sunat mengocak-ngocakkan air tersebut di dalam mulutnya kemudian meluahkannya.

Manakala *istinsyaq* pula ialah memasukkan air ke dalam hidung dan disuntukan menggunakan tangan kanan. Sekurang-kurangnya *istinsyaq* itu ialah dengan memasukkan air ke dalam hidung, walaupun orang yang berwudhu' itu tidak menyedut air tersebut dengan nafasnya untuk memasukkan air ke dalam hidung atau walaupun setelah air masuk ke dalam hidungnya dia tidak menghembuskan air tersebut keluar dari hidungnya. Demikian juga, memadai *istinsyaq* jika air yang masuk ke hidung itu tidak sampai naik ke *khaisum*. Manakala *istinsyaq* yang sempurna ialah sunat memasukkan air ke dalam hidung dan menaikkan air tersebut dengan nafasnya sehingga ke *khaisum*, kemudian dia menghembuskan air tersebut keluar daripada hidung dengan nafasnya.

*Istinsyaq* yang sempurna itu termasuk melakukan *istintsar*. *Istintsar* ialah mengeluarkan apa yang ada di dalam hidung seperti menghembus air dan mengeluarkan kotoran dalam hidung setelah *istinsyaq*. *Istintsar* sunat dilakukan menggunakan jari kelingking kiri.

Terdapat dua cara untuk melakukan berkumur-kumur dan *istinsyaq* ketika berwudhu'. Cara yang pertama ialah mengambil air yang berasingan untuk berkumur-kumur dan *istinsyaq*. Cara pertama ini adalah berdasarkan riwayat Thalhah bin Musharrif daripada bapanya daripada datuknya Radhiallahu 'anhuma mengenai wudhu' Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam katanya.

**Maksudnya:** Maka aku melihatnya (Baginda Shallallahu 'alaihi wasallam berwudhu') memisahkan antara (cedokan air untuk) berkumur-kumur dan (cedokan air untuk) *istinsyaq*.

(Hadits riwayat Abu Daud)

Cara yang kedua ialah mengambil satu cedokan air untuk berkumur-kumur dan *istinsyaq*. Menurut Imam Nawawi *Rahimahullah* mengambil satu cedokan air untuk berkumur-kumur dan *istinsyaq* adalah afdhal berbanding mengambil air yang berasingan untuk berkumur-kumur dan *istinsyaq* berdasarkan beberapa hadits antaranya riwayat 'Abdullah bin Zaid Radhiallahu 'anhmu mengenai cara wudhu' Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam ketika berkumur-kumur dan *istinsyaq* menggunakan satu cedokan air untuk kedua-duanya.

**Maksudnya:** Kemudian Baginda Shallallahu 'alaihi wasallam berkumur-kumur dan *istinsyaq* dari satu tapak tangan (satu cedokan air) kemudian

Baginda Shallallahu 'alaihi wasallam melakukan yang demikian itu sebanyak tiga kali.

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Sungguhpun demikian, kedua-dua cara berkumur-kumur dan *istinsyaq* yang disebutkan di atas adalah boleh dilakukan dan kedua-duanya menepati sunat wudhu'. Perbezaan antara keduanya hanyalah dari sudut cara yang afdhal melakukannya. Namun untuk melaksanakan kedua-dua cara ini, ia mempunyai kaifiat yang tersendiri iaitu:

**Cara Pertama:** Mengambil air yang berasingan untuk berkumur-kumur dan *istinsyaq*

Terdapat tiga kaifiat bagi melaksanakan cara yang pertama ini iaitu:

**Kaifiat pertama:**

- Mengambil satu cedok air untuk berkumur-kumur tiga kali berturut-turut.
- Kemudian mengambil satu cedok air yang lain untuk *istinsyaq* tiga kali berturut-turut.

**Kaifiat kedua:**

- Mengambil satu cedok air untuk berkumur-kumur bagi kali pertama.
- Kemudian mengambil satu cedok air yang lain untuk berkumur-kumur bagi kali kedua.
- Kemudian mengambil satu cedok air yang lain untuk *istinsyaq* bagi kali ketiga.
- Kemudian mengambil satu cedok air yang lain untuk berkumur-kumur bagi kali kedua.
- Kemudian mengambil satu cedok air yang lain untuk *istinsyaq* bagi kali pertama.
- Kemudian mengambil satu cedok air yang lain untuk berkumur-kumur bagi kali kedua.
- Kemudian mengambil satu cedok air yang lain untuk *istinsyaq* bagi kali ketiga.

**Kaifiat ketiga:**

- Mengambil satu cedok air untuk berkumur-kumur bagi kali pertama.
- Kemudian mengambil satu cedok air yang lain untuk *istinsyaq* bagi kali kedua.
- Kemudian mengambil satu cedok air yang lain untuk berkumur-kumur bagi kali ketiga.
- Kemudian mengambil satu cedok air yang lain untuk *istinsyaq* bagi kali ketiga.

Menurut Imam Ibn Hajar *Rahimahullah* kaifiat yang afdhal antara ketiga-tiga kaifiat ini adalah kaifiat yang pertamadan menurutnya lagi, kaifiat kedua pula merupakan kaifiat yang paling bersih.

**Cara Kedua:** Mengambil satu cedokan air untuk berkumur-kumur dan *istinsyaq*



**IRSYAD HUKUM**

جناحت مفتی کارجان  
جناحت مفتی کارجان

Jabatan Mufti Kerajaan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam

Website : [www.mufti.gov.bn](http://www.mufti.gov.bn)  
E-mail : [fatwa@mufti.gov.bn](mailto:fatwa@mufti.gov.bn) - [info@mufti.gov.bn](mailto:info@mufti.gov.bn)

Untuk melaksanakan cara yang kedua ini terdapat juga tiga kaifiat iaitu:

**Kaifiat pertama:**

- Mengambil satu cedok air untuk berkumur-kumur yang pertama dengan sebahagian air cedokan ini. Setelah itu *istinsyaq* yang pertama dengan baki air daripada cedokan pertama setelah berkumur-kumur.
- Kemudian mengambil satu cedok air yang lain untuk berkumur-kumur yang kedua dengan sebahagian air cedokan ini. Setelah itu *istinsyaq* yang kedua dengan baki air daripada cedokan kedua setelah berkumur-kumur.
- Kemudian mengambil satu cedok air yang lain untuk berkumur-kumur yang ketiga dengan sebahagian air cedokan ini. Setelah itu *istinsyaq* yang ketiga dengan baki air daripada cedokan ketiga setelah berkumur-kumur.

**Kaifiat kedua:**

Mengambil satu cedok air sahaja untuk berkumur-kumur tiga kali berturut-turut dengan sebahagian air cedokan ini. Setelah itu *istinsyaq* tiga kali berturut-turut dengan baki air daripada cedokan ini setelah berkumur-kumur.

**Kaifiat ketiga:**

Mengambil satu cedok air sahaja untuk berkumur-kumur yang pertama dengan sebahagian air cedokan ini. Setelah itu *istinsyaq* yang pertama dengan baki air daripada cedokan ini. Kemudian mengulangi berkumur-kumur untuk kali kedua dengan baki air. Kemudian mengulangi berkumur-kumur untuk kali ketiga dan kemudian *istinsyaq* untuk kali ketiga dengan baki air.

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *Minhaj ath-Thalibin*, kaifiat yang afdhal antara ketiga-tiga kaifiat ini adalah kaifiat yang pertama.

Demikian penjelasan mengenai cara berkumur-kumur dan *istinsyaq* ketika berwudhu'.

منجو كريضاءن الله  
MENUJU KEREDAAN ALLAH  
كلو لأن فوسة دعوه اسلاميه

**SLAM** sangat memandang berat terhadap soal jimat cermat kerana ia menjadi asas bagi kesejahteraan hidup dan kemakmuran negara. Berjimat cermat dalam segala bidang kehidupan dan keadaaan, berjimat cermat dalam perbelanjaan keperluan sehari-hari, berjimat cermat dalam penggunaan api elektrik dan air, berjimat cermat ketika menggunakan kemudahan - kemudahan awam dan sebagainya.

Semua pihak perlu bekerjasama dalam usaha berjimat cermat kerana ia adalah satu tuntutan agama Islam yang sentiasa menyuruh umatnya berjimat cermat dan bersederhana dalam berbelanja sama ada dalam keadaan senang, mewah ataupun dalam keadaan kemelesetan ekonomi.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam

Surah Al-Israa', ayat 26-27, mafhumnya :

"Dan berikanlah kaum kerabat haknya (kebaikan dan hubungan silaturahim) dan begitu juga orang yang miskin serta orang musafir (yang terputus perbelanjaannya iaitu zakat dan sedekah) dan janganlah engku membazir (membelanjakan harta pada jalan yang menyalahi syarak) itu ialah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhanmu".

Islam milarang umatnya membazir kerana ia merupakan perbuatan keji dan amalan syaitan. Berbelanjalah jika perlu sahaja dan janganlah mengikut hawa nafsu kerana ia amat merugikan.

Sebagai seorang hamba, sewajarnya kita

mensyukuri nikmat yang dianugerahkan Allah Subhanahu Wata'ala. Barang siapa yang mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wata'ala, nescaya Dia akan menambah nikmat-nikmat-Nya atas amalan-amalan soleh yang dilakukan, namun sekiranya kita kufur nikmat nescaya azab-Nya amat pedih. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 7, mafhumnya :

"Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras".

Hari ini, budaya berbelanja mewah dalam kalangan umat Islam mempengaruhi secara langsung dan tidak langsung gaya hidup masyarakat. Budaya ini bukan sahaja

menyerang golongan berpendapatan tinggi malahan juga golongan berpendapatan rendah sehingga berbelanja secara berlebihan di luar kemampuan. Meniru gaya hidup mewah yang dianggap sebagai suatu kemestian dan lambang kebanggaan sehingga mereka lupa dan berada di luar batasan normal dari segi akhlak dan perbelanjaannya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Furqaan, ayat 67, mafhumnya :

"Dan mereka yang apabila membelanjakan harta, mereka tidak berlebih-lebihan dan tidak juga bakhil dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka itu adalah sederhana antara kedua-duanya".

Sama-sama kita berjimat cermat demi mengharapkan kerahmatan dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

## Berjimat cermat hidup penuh rahmat, berkat

# PROGRAM SIVIK NBD : MENGUKUHKAN KEFAHAMAN MENGENAI ISU KENEGARAAN

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

**BERAKAS**, Isnin, 9 Disember. - Program Sivik Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah untuk memberikan kefahaman dan maklumat terkini kepada masyarakat mengenai hal ehwal negara dan kerajaan, selain memastikan rakyat sentiasa peka terhadap perkembangan semasa.

Sehubungan itu, Majlis Pembukaan Program Sivik NBD Kali Pertama bagi Tahun 2024 / 2025 anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik, diadakan hari ini di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan.

Program yang diadakan selama



lima hari bermula 8 hingga 12 Disember 2024 ini bertujuan untuk memupuk semangat kenegaraan berdasarkan falsafah konsep Negara Melayu Islam Beraja (MIB), dengan menekankan nilai budaya, agama dan kedaulatan sebagai asas identiti negara.

Seramai 46 peserta terdiri daripada lepasan ijazah dari Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah serta mahasiswa-mahasiswa dari institut pengajian tempatan dan yang sedang menjalani penempatan kerja di Jabatan Penerangan menyertai program berkenaan.

Sepanjang program tersebut,

para peserta akan diberi peluang untuk menghadiri siri taklimat serta lawatan sambil belajar ke beberapa agensi kerajaan dan perusahaan yang ditubuhkan oleh belia tempatan.

Selain itu, aktiviti kerja kemasyarakatan juga akan diadakan untuk melibatkan para peserta dalam memberi sumbangan kepada masyarakat.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis pembukaan tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini.

Dalam ucapan alu-aluannya, beliau menyentuh mengenai beberapa perkara penting,

termasuk format pelaksanaan program yang dikembalikan kepada format asal, iaitu secara perkampungan, yang diadakan di Pusat Belia ibu negara.

Dayang Sastra Sarini juga menekankan peranan belia sebagai aset negara dan agen perubahan masa depan yang akan merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Dari itu, beliau seterusnya berharap program itu dapat membantu para peserta dalam meningkatkan daya saing serta mampu menghadapi cabaran dengan berpegang teguh kepada konsep MIB.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini semasa berucap pada majlis berkenaan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Program Sivik Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi Tahun 2024 / 2025 (atas), manakala gambar kiri, antara peserta program yang hadir.

## MINDA PEMBACA

### Tingkatkan ekonomi menerusi bidang pertanian

**B**IDANG pertanian berpotensi besar untuk memacu ekonomi negara, terutamanya dalam usaha mengurangkan kebergantungan pada makanan import. Justeru, dengan menggalakkan pengeluaran tempatan. Dengan itu, Negara Brunei Darussalam bukan sahaja dapat meningkatkan keselamatan makanan tetapi juga membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan serta meningkatkan taraf hidup mereka.

Bidang pertanian ini boleh digunakan untuk meningkatkan hasil tanaman. Dengan teknologi moden

yang ada pada masa kini, seperti teknologi pertanian pintar iaitu *smart farming* membolehkan kecekapan pengeluaran dalam bidang ini. Sebagai contoh, sistem pengairan automatik, penggunaan sensor tanah dan lainnya mampu membantu petani merancang tanaman dengan lebih cekap dan mengurangkan pembaziran sumber. Dengan adanya teknologi ini, hasil tanaman boleh dilipatgandakan tanpa memerlukan kawasan tanah yang luas.

Selain itu, inisiatif kerajaan untuk memberi sokongan melalui subsidi, insentif dan program latihan amat penting. Program ini dapat menarik

minat generasi muda untuk menceburi bidang agrikultur dan menjadikannya satu kerjaya yang berdaya saing. Pertanian juga boleh dijadikan peluang perniagaan melalui mempelbagaikan produk seperti makanan organik, herba atau produk eksport yang bernilai tinggi.

Selain membolehkan para belia untuk bergiat aktif dalam bidang ini, pihak berkewajipan perlu memperkasakan penglibatan para belia dalam menceburi sektor ini. Maka dengan itu, ekonomi negara mampu dikembangkan sehingga dapat mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 iaitu ekonomi yang dinamik dan

berdaya tahan.

Kerjasama erat antara kerajaan dan sektor swasta juga penting dalam membangunkan infrastruktur pertanian yang berdaya tahan. Dengan usaha bersama, pertanian mampu menjadi penggerak kepada kepelbagaian ekonomi Brunei.

Nama : Siti Nur Zahirah binti Haji Takong  
No. K/P: 01-078XXX

### Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

#### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Merokok Membahayakan Diri, Keluarga dan Negara'. Tarikh Tutup : 11 Disember 2024
- 2.'Membina Keluargaku Harapanku'. Tarikh Tutup : 18 Disember 2024
- 3.'Perkenalkan Makanan Tempatan Ke Peringkat Antarabangsa'. Tarikh Tutup : 25 Disember 2024

#### Termasuk Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam  
atau melalui  
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# دعاء ممohen كفـد الله سقـاي قـرسـلامـة

## درـقد بلـاء دـان سـكـل جـنـيس قـياـكـيت

### DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝ .

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْأَكَامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا حَلَقَ ۝ ۳ کالی۝ .

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي  
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝ .

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ  
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ دَاءً. بِسْمِ اللَّهِ أَعْتَدْخَنَا وَبِاللَّهِ  
أَحْتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ.  
وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيِّ الَّذِي لَا  
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَيِّئِ  
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي  
كُلِّ مَكَانٍ أَبْلَاهَةَ وَأَلْوَاهَةَ وَالطُّغْيَانَ وَالظَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ  
وَفَنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلْطِفَكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ  
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝ .

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

#### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan ania). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkusa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذْنَا مُحَمَّدٌ  
سِنَةً وَلَا نَوْمًّا لَمَّا مَاتَ فَالسَّمَوَاتِ وَمَا  
فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَاذِي دُعَى يَشْفَعُ عِنْهُ  
إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ  
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ  
وَسَعْ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ  
حَفْظُهُمَا وَهُوَ أَعْلَى الْعَظِيمِ ﴿٦٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاتَةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرُجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ  
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَخُسْنُ الْحَوَائِجُ، وَيُسْتَسْقَى  
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمُ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ  
وَنَفْسٍ بَعْدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdikan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engku limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahnnya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ  
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ  
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِعِصْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِدُنْيَايِّ،  
فَاغْفِرْ لِي فِيَّهُ وَلَا يَعْفُرُ الْذُنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engku. Engku telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanat yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engku".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذَكْر بِچاءِنْ يَعْمَلُوا كَبِراً وَنَتوَعْنَ سَاعَتْ بَسْرَ كَفْدَ قَعْمَلَنْ ( تَولُقَ بلاءَ )

(3) بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :  
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2) أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :  
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1) حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5) يَا حَمِّيْ يَا قَيْوُمُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :  
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4) وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua).

Penerangan :  
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.


**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar Dengan  
Kementerian Pembangunan

Kelas:  
(N/A)

**Kategori :**  
[Consultant Sahaja]

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / RFQ / DWS / 08 / 2024

**Nama Projek:**  
Request For Quotation (RFQ)  
Bagi Perkhidmatan Konsultan  
- Kajian Pembekalan dan Sumber  
Air Negara Brunei Darussalam  
2025

**Yuran Tawaran :**  
BND100.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran :**  
Selasa,  
24 Disember 2024.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
7 Januari 2025.



Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong Yang  
Berdaftar Dengan  
Kementerian Pembangunan  
Di Dalam

**Kelas :**  
II & III

**Kategori :**  
KPB 11A Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran :**  
Selasa,  
24 Disember 2024.

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DTS / 43 / CQS / 2024-T / II

**Nama Projek:**  
Membaik Pulih Kerosakan Masjid  
Kampung Layong, Daerah Tutong

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
7 Januari 2025.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong Yang  
Berdaftar  
Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam

**Kelas :**  
IV, V, VI Sahaja

**Kategori:**  
KA01 Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran  
Pada:**  
24 Disember, 2024 (Selasa)

**Tarikh Tutup :**  
7 Januari 2025 (Selasa)  
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran :**  
JKR / DBSTUT 016 / 2024

**Nama Projek:**  
Kerja-Kerja Penurapan Semula  
Jalan Telisai Tutong,  
Di Daerah Tutong

**No. Projek :**  
2024 / 25 JKRTUT / TRM /  
2106 - 06

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen :**



Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar Dengan  
Kementerian Pembangunan  
Di Dalam

**Kelas :**  
II & III

**Kategori :**  
B01 Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran :**  
Selasa,  
24 Disember 2024.

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
BND5.00  
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DTS / 42 / CQS / 2024-T / II

**Nama Projek:**  
Projek Pengubahsuaian  
Auditorium Di Bangunan  
Job Centre Brunei

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
14 Januari 2024.  
Tidak lewat  
jam 2.00 Petang.



Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas:**  
III (II & III) sahaja

**Kategori:**  
KA01 Sahaja – Kod Baharu

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DDS 014 / 2024 –  
(CDE).T.III

**Nama Projek:**  
Kontrak Penggal Kerja-Kerja  
Penyelenggaraan Rangkaian  
Hidrometrik dan Aset Hidrologi  
Bagi Tempoh Dua Tahun  
(2025 / 2026)

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
BND5.00

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran:**  
Selasa,  
7 Januari 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
28 Januari 2025.  
Tidak lewat dari  
jam 2.00 Petang.



**JABATAN RADIO  
TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tajuk Tawaran:**  
RTB / K / 138 / 24 - 25  
– Perkhidmatan Penggambaran  
dan Penyuntingan Bagi Drama TV  
Berdurasi 90 Minit Sebanyak 1  
Episod Bahagian Rancangan TV,  
Radio Televisyen Brunei

**Bayaran Tawaran:**  
BND5.00  
(Tidak dikembalikan)  
(Termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas:**  
BN5.00 (Jika perlu dan tidak  
dikembalikan)  
(Hardcopy)

**Tarikh Tutup:**  
Rabu, 18 Disember 2024.  
Jam 2.00 Petang.



**Bil. Sebut Harga:**  
KHEU / JPI / JKS / 15 / 2024 -  
2025

**Keterangan:**  
Mencetak, Membekal Dan  
Menghantar Buku Teks Baharu  
Mata Pelajaran Pendidikan Islam  
(P1) Tahun 2 Bagi Sesi  
Pembelajaran Tahun 2025,  
Jabatan Pengajian Islam,  
Kementerian Hal Ehwal Ugama,  
Tahun 1446H-1447H /  
2024M-2025M

**Bayaran Yuran Tawaran:**  
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup :**  
Rabu, 8 Rejab 1446H /  
8 Januari 2025M.  
Tidak lewat  
jam 2.00 Petang.



**Bilangan Sebut Harga:**  
MOFE / UPAH / Q / 2024 - 6

**Tajuk Sebut Harga:**  
Kerja-Kerja Renovasi,  
Pembekalan dan Pemasangan  
Cubicles and Tables Di Pejabat  
Unit Pembangunan Koperasi,  
Kawasan Lobi, Bangunan  
Kementerian Kewangan dan  
Ekonomi, Commonwealth Drive,  
Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran / Dokumen :**  
Percuma

**Tarikh Tutup :**  
Sabtu, 28 Disember 2024.



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Sebut Harga:**  
39 / JMM / S / 12 / 91  
(2024 / 2025)

**Tajuk Sebut Harga:**  
Sebut Harga Bagi  
Maintenance Of  
Fire Alarm System,  
Fire Extinguishers and FM200  
at Bangunan Arkib Negara,  
Jalan Dewan Majlis

**Tarikh Tutup :**  
Khamis,  
9 Januari 2025.  
Jam 2.00 Petang.



**Bilangan Sebut Harga:**  
38 / JMM / S / 12 / 91  
(2024 / 2025)

**Tajuk Sebut Harga:**  
Sebut Harga Bagi  
Kerja-Kerja Menambah  
Tanjakan (Ramp)  
dan Mengcat Petak  
Kereta Kawasan Belakang  
Bangunan Arkib Negara

**Tarikh Tutup :**  
Khamis,  
9 Januari 2025.  
Jam 2.00 Petang.





## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Tawaran 1:**  
MINDEF / DFA / FY2024 /  
LB / TA / 040  
Pembaikan dan Baik Pulih Bagi 10  
Jenis Kenderaan Van Ford Transit  
Kepunyaan Unit-Unit Angkatan  
Bersenjata Diraja Brunei

**Yuran Tawaran 1:**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian  
Borang Tawaran adalah satu (1)  
minggu sebelum tarikh tutup  
tawaran, iaitu Selasa,  
17 Disember 2024.

**Rujukan Tawaran 2:**  
MINDEF / DFA / FY2024 /  
LB / TA / 041  
Pembaikan dan Baik Pulih Bagi 6  
Jenis Kenderaan Truck Bowser  
Refueler Kepunyaan Unit-Unit  
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

**Yuran Tawaran 2:**  
BND10.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian  
Borang Tawaran adalah satu (1)  
minggu sebelum tarikh tutup  
tawaran, iaitu Selasa,  
17 Disember 2024.

**Tarikh Tutup Tawaran 1 & 2:**  
Selasa, 24 Disember 2024.  
2.00 Petang.



**Bilangan Sebut Harga:**  
24 / OKT / 2024 /  
KKBS / PJK / 16.14

**Tajuk Sebut Harga:**  
Kontrak (36 Bulan) Pemeliharaan  
3 Buah Lif Jenama "Mitsubishi"  
Di Bangunan Kementerian  
Kebudayaan, Belia dan Sukan,  
Simpang 336-17, Jalan  
Kebangsaan, Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup:**  
Tidak lewat  
Khamis,  
19 Disember 2024.  
Jam 2.00 Petang.



**Rujukan Tawaran:**  
MINDEF / DFA / RC / 102(15)  
Group Personal Insurance  
Coverage For Special  
Force Regiment (SFR)  
– Five (5) Years  
Contract

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00  
(Tidak dikembalikan)  
Tarikh terakhir bagi  
pembelian Borang  
Tawaran adalah  
Isnin,  
30 Disember 2024.

**Tarikh  
Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
14 Januari 2025.  
2.00 Petang.



**1. Bilangan Tawaran:**  
02 / BBS / SDCIBKB /  
2024 - 2025

**Keterangan Projek :**  
Supply And Delivery  
Of Cleaning Items  
For Jabatan Bandaran  
Kuala Belait dan Seria

**2. Bilangan Tawaran:**  
13 / BBS / SDBSJBKB /  
2024 – 2025

**Keterangan Projek:**  
Supply And Delivery  
Of Black Soil For  
Jabatan Bandaran  
Kuala Belait dan Seria

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00  
(Non-Refundable)

**Tarikh Tutup :**  
Selasa,  
17 Disember 2024.  
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN BANDARAN  
BANDAR SERI BEGAWAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAH  
DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**  
JBBSB / SH / 2024-2025 /  
59 / BPPK / 25

**Tajuk Sebut Harga:**  
Tawaran Kontrak  
Satu (1) Tahun Bagi  
Pengendalian Anjing Liar  
Di Dalam Kawasan  
Jabatan Bandaran  
Bandar Seri Begawan

**Hari, Tarikh  
dan Jam Tutup:**  
Khamis,  
12 Disember 2024.  
Jam 2.00  
Petang.



**Tajuk Tawaran:**  
**Sebut Harga Bagi :**  
1. Kursus Memandu Kelas 5  
(RUJ: JBP / TSH / 64 /  
2024 - 2025)

**Tarikh Tutup / Jam:**  
Khamis,  
19 Disember 2024.  
(1.50 Petang)

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00



**UNIVERSITI ISLAM SULTAN  
SHARIF ALI**

Calon-calon yang terdiri  
daripada Rakyat Kebawah  
Duli Yang Maha Mulia Paduka  
Seri Baginda Sultan dan  
Yang Di-Pertuan  
Negara Brunei Darussalam  
adalah dipelawa untuk  
memohon jawatan berikut :

**Jawatan :**  
Kerani Bahasa Arab  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**Bahagian :**  
IV

**Tangga Gaji:**  
D.1-2-3 EB. 4-5  
(BND530.00 – BND1,625.00)

**Kekosongan :**  
Satu (01)

**Tatacara Permohonan:**  
Borang permohonan  
– Borang P1-Tempatan  
(Bukan Jawatan Akademik)  
bolehlah didapati dan diisi melalui  
online di laman sesawang:  
<https://unissa.edu.bn/application/form-p1-borang-p1-non-academic-post-local/>

Setelah lengkap mengisi borang  
permohonan melalui online

nombor rujukan berserta salinan  
borang permohonan online akan  
dihantar ke alamat e-mel  
permohon. Pemohon dikehendaki  
menghantar no. rujukan tersebut  
ke [recruitment@unissa.edu.bn](mailto:recruitment@unissa.edu.bn).

Jika ada sebarang pertanyaan  
bolehlah menghubungi  
+673 8687055 semasa waktu  
pejabat atau e-mel kepada  
[recruitment@unissa.edu.bn](mailto:recruitment@unissa.edu.bn)

Peringatan: Hanya  
permohon-permohon yang  
disenaraipendek sahaja akan  
dipanggil untuk ditemu duga.

**Tarikh**  
**Buka Permohonan :**  
Rabu,  
11 Disember 2024

**Tarikh**  
**Tutup Permohonan:**  
Rabu,  
25 Disember 2024

**Rujukan Iklan :**  
UNISSA / IJK / KBA / 004 / 2024



## PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)  
hendaklah dihantar dan diterima oleh  
Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK**  
**kurang dari empat (4) minggu dan**  
**Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari**  
**dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan  
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah  
dibaca menggunakan **Microsoft Word**  
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang  
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar  
menggunakan **BAHASA MELAYU**  
**SAHAJA.**



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang  
berkaitan dan nyatakan apa-apa  
keperluan iklan berkenaan, seperti  
tarikh terbitan untuk diiklankan dan  
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah  
dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :

+673 2383400  
**sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA  
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKU  
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

# KUKUHKAN SEMANGAT KEKITAAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT



SUASANA program tahunan Tahaddu Tahabbu anjuran Belia Ashabul Haliim, Belia Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku Katok (atas dan atas kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 10 Disember. — Program tahunan Tahaddu Tahabbu anjuran Belia Ashabul Haliim, Belia Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku Katok telah berjaya disempurnakan dengan majlis penutup yang diadakan di masjid tersebut, baru-baru ini.

Pada tahun ini merupakan kali ketujuh program ini dijalankan dengan memberi tumpuan kepada penyediaan bekalan asas

persekolahan kepada 250 pelajar yang kurang berkemampuan di kawasan Mukim Gadong 'A' sebagai persediaan mereka untuk menghadapi tahun akademik yang akan datang.

Walau bagaimanapun, program tahun ini telah mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan daripada orang ramai dan juga dengan bantuan, tajaan dan sokongan daripada beberapa pihak seperti

institusi-institusi SEAMEO VOCTECH dan Jerudong International School serta beberapa syarikat seperti Aewon, Halimah Habib dan The Scent Shop.

Program ini juga mendapat perhatian dengan bantuan daripada beberapa influencer terkenal iaitu seperti DJ Nadzri, Ranoadidas, Loh Latiff dan lain-lain dengan mempromosikan program ini kepada khalayak yang

Berita dan Foto : Ihsan Belia Ashabul Haliim



lebih ramai.

Majlis telah diserikan dengan kehadiran Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri selaku tetamu kehormat majlis.

Antara aktiviti yang dijalankan termasuk bacaan Surah Al-Fatihah, ucapan alu-aluan daripada Ketua Belia Ashabul Haliim dan tetamu kehormat majlis, tayangan video pendek perjalanan program, bacaan Doa Selamat dan lawatan pameran barang sumbangan.

Program diakhiri dengan pengagihan barang-barang sumbangan oleh tetamu kehormat

bersama-sama dengan pihak Belia Ashabul Haliim kepada dua rumah penerima yang terpilih.

Sumbangan keprihatinan ini bukan sahaja meringankan beban keluarga penerima tetapi juga mengukuhkan semangat kekitaan dalam kalangan masyarakat.

Program Tahaddu Tahabbu yang bermaksud 'Berilah Hadiah, Cintalah Sesama Kita' bertujuan untuk memupuk semangat kasih sayang dan keprihatinan, selaras dengan ajaran Islam. Diharapkan inisiatif ini akan terus berkembang dan mencapai lebih ramai keluarga yang memerlukan pada masa akan datang.

## Semai rasa taat setia, terus menyumbang untuk pembangunan negara



DAYANG Siti Zurairah Noraini binti Haji Jonaidie (kiri), Dayang Sunita Kaur (tengah) dan Dayang Norchaya binti Saidin (kanan) semasa ditemu bual.

**TUNGKU,** Selasa, 10 Disember. — Para penerima Sijil Taraf Kerakyatan rata-rata melahirkan dan merafakkan sembah ucapan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengurniaan titah perkenan baginda untuk mereka menjadi rakyat baginda secara pendaftaran sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Taraf Kebangsaan, Penggal 15.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama beberapa penerima pada Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-41 yang diadakan di Dewan Canselor,

Universiti Brunei Darussalam petang tadi, melahirkan rasa syukur yang teramat mendalam atas titah perkenan berkenaan dan berjanji untuk akan mencurahkan taat setia mereka yang tidak berbelah bahagi dan berusaha menyumbang kepada pembangunan negara.

Dayang Sunita Kaur, 60 tahun, yang menetap di Kampung Sungai Tilong menceritakan beliau dilahirkan di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan dari sejak kecil lagi sentiasa menganggap diri beliau sebagai orang Brunei walaupun tanpa kerakyatan dan apabila orang sekeliling beliau bertanya, dia hanya akan mengatakan berasal dari Brunei.

"Kini dengan rasa bangga, syukur dan penuh gembira, saya boleh mengatakan bahawa saya adalah orang Brunei atau 'Bruneian' dan saya ingin mengambil peluang ini merafakkan sembah ucapan junjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli

Yang Maha Mulia dan pihak kerajaan atas pengurniaan Taraf Kerakyatan ini," ujarnya.

Beliau merupakan Pengarah Urusan Findlay, mempunyai pengalaman yang sangat luas sebagai penasihat pelajar antarabangsa untuk universiti-universiti yang memberi nasihat dan panduan kepada pelajar yang belajar di luar negara, tentang pendidikan, latihan dan kebolehpasaran yang boleh menyumbang kepada ekonomi negara.

Sementara itu, Awang Haji Md. Haja Najmuddin bin Haji Md. Maideen, 59 tahun, dari Kampung Madang juga turut merafakkan sembah ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas pengurniaan Taraf Kerakyatan berkenaan.

Pengurniaan ini katanya, merupakan penghormatan yang amat besar bagi beliau dan keluarga serta menjunjung tinggi nilai-nilai Melayu Islam Beraja yang menjadi teras kehidupan dan identiti NBD.

"Sebagai rakyat yang kini bernaung di bawah payung baginda, saya berikrar untuk terus menjunjung tradisi Melayu, memelihara syariat Islam, dan taat

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

setia kepada institusi beraja," ujarnya.

Beliau berjanji memainkan peranan sebagai rakyat yang bertanggungjawab, mendukung segala usaha Kerajaan Kebawah DYMM untuk memelihara keharmonian, kemakmuran, kesejahteraan negara tercinta serta berusaha untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara melalui pelbagai usaha yang sedang dan giat dilaksanakan antaranya dengan memberikan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan di beberapa syarikat-syarikat yang diterajui beliau.

Awang Haji Md. Haja Najmuddin juga turut mendoakan semoga Kebawah DYMM dan kerabat diraja sentiasa berada dalam rahmat dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'alaa, diberikan kesihatan yang baik, umur yang panjang dan terus memimpin negara dengan bijaksana dan saksama.

Manakala Dayang Norchaya binti Saidin, 49 tahun yang berasal dari Kampung Bebatik Kulapis dan Dayang Siti Zurairah Noraini binti Haji Jonaidie, 44 tahun dari Kampung Delima Satu, masing-masing merafakkan ucapan setinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas titah perkenan baginda mengurniakan Taraf Kerakyatan kepada mereka yang setentunya memberikan kegembiraan yang tak terhingga bagi diri dan keluarga mereka.

Sikap kasih sayang baginda

terhadap rakyat dan penduduk tidak pernah luntur dan sebagai rakyat dan penduduk negara ini perlulah sentiasa melahirkan rasa syukur kerana mempunyai raja yang berjaya rakyat, pemelulian dan prihatin terhadap kesejahteraan rakyat termasuk dari segi pembangunan, ekonomi, pendidikan, kesihatan, infrastruktur dan sebagainya.

Mereka juga turut mendoakan Kebawah DYMM dan kerabat diraja sentiasa diberikan kesihatan yang baik, keberkatan umur dan sentiasa di dalam perlindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'alaa.



**AWANG** Haji Md. Haja Najmuddin bin Haji Md. Maideen semasa ditemu bual.

## PUPUK KERJASAMA ANTARABANGSA DALAM PENDIDIKAN

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam



UNIVERSITI Brunei Darussalam baru-baru ini menyertai Sidang Kemuncak Presiden & Pemimpin Universiti Global (GUPLS) 2024.

**HONG KONG**, Isnin, 9 Disember. – Universiti Brunei Darussalam (UBD) baru-baru ini menyertai Sidang Kemuncak Presiden & Pemimpin Universiti Global (GUPLS) 2024 yang diadakan pada 2 hingga 3 Disember 2024 di Hong Kong.

Dianjurkan oleh Persatuan Persahabatan Luar Hong Kong dan disokong oleh Jawatankuasa Geran Universiti dan sembilan universiti di Hong Kong, Sidang Kemuncak tersebut mengumpulkan pemimpin akademik terkemuka dari seluruh dunia untuk membincangkan masa depan pendidikan dan globalisasi ilmu.

UBD diwakili oleh Penolong Naib Canselor dan Naib Presiden (Penyelidikan, Inovasi dan

Kemampanan), Dr. Haji Abdul Hanif bin Dato Paduka Haji Mahadi, yang mana penglibatan UBD dalam sidang kemuncak itu menekankan komitmen berterusannya untuk memastikan pendidikan terbaik untuk pelajar UBD sekarang dan pada masa hadapan.

Dengan membawakan tema 'Perubahan Demografi dan Pendidikan di Masa Depan', forum dipengerusikan oleh Presiden The Education University of Hong Kong, Profesor John Lee Chi-Kin, yang juga dipengerusikan bersama oleh Profesor Madya Pendidikan di Harvard Graduate School of Education, Dr. Peter Q Blair.

Dr. Haji Abdul Hanif membincangkan Pelan Induk Kemampanan Universiti dalam

mengintegrasikan amalan mampan merentas lima bidang utama: iaitu penyelidikan, pendidikan, kampus hijau, tadbir urus yang baik dan jangkauan komuniti.

Pendekatan tersebut memastikan UBD terus memimpin melalui teladan dalam menangani cabaran global yang mendesak seperti perubahan iklim, pengurusan sumber dan ketidaksamaan sosial, dalam masa yang sama memperkasakan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran untuk mencipta perubahan yang bermakna.

UBD juga mengetengahkan Program GenNEXTnya dalam memupuk kerjasama antara disiplin bagi melengkapkan pelajar dengan pendidikan yang menyeluruh. Program ini menunjukkan kepercayaan UBD terhadap kuasa pembelajaran merentas disiplin untuk menyelesaikan masalah yang kompleks dalam dunia yang berubah dengan pantas.

Malahan, dedikasi UBD terhadap pembelajaran sepanjang hayat juga ditekankan semasa sidang kemuncak itu, kerana universiti menawarkan program peningkatan kemahiran untuk menyokong individu pada peringkat kerjaya yang berbeza. Ini memastikan tenaga kerja Negara Brunei Darussalam (NBD) boleh menyesuaikan diri dan berdaya saing dalam pasaran pekerjaan global yang semakin berkembang.

Sebagai tambahan kepada usaha kemampanannya, penyertaan UBD menonjolkan persahabatan yang berterusan antara NBD dan Hong Kong, mencerminkan komitmen bersama

kedua-dua negara untuk memupuk kerjasama antarabangsa dalam pendidikan.

Ikatan kukuh ini dibina atas dasar saling menghormati dan berkongsi matlamat, dengan universiti dari kedua-dua negara bekerjasama untuk mencipta peluang dalam dialog, pertukaran dan kemajuan global.

Melalui perkongsian ini, UBD terus memajukan misinya untuk mempromosikan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan melibatkan diri dalam

kerjasama antarabangsa yang bermakna.

Dengan mengambil bahagian dalam Sidang Kemuncak ini, UBD mengukuhkan peranannya sebagai peneraju dalam pendidikan dan penyelidikan mampan serta menyerlahkan sumbangannya kepada pembangunan pendidikan global, khususnya dalam perkongsianya dengan Hong Kong dan seterusnya.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program yang ditawarkan di UBD, sila layari [www.ubd.edu.bn](http://www.ubd.edu.bn).

## Waspada dengan skim penipuan pinjaman dalam talian

Siaran Akhbar : Bank Islam Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 9 Disember. – Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai penipuan pembiayaan dengan cubaan penipu menyamar sebagai BIBD di media sosial untuk menawarkan pinjaman dalam talian dan skim pembiayaan tidak berlesen.

Penipu berkenaan menyalahgunakan logo, imej dan rekaan testimoni palsu BIBD untuk mendapatkan kepercayaan dan memperdaya mangsa untuk berkongsi maklumat peribadi atau perbankan.

Penipuan sedemikian mengeksplotasi individu dengan mengemukakan tawaran kewangan palsu yang

menjanjikan kelulusan cepat dan keperluan minimum. Menjadi mangsa skim berkenaan boleh mengakibatkan kerugian kewangan yang besar, akses tanpa kebenaran kepada akaun bank dan penyalahgunaan maklumat sensitif untuk tujuan jenayah.

BIBD menekankan kepentingan untuk sentiasa berwaspada dan mengesahkan kesahihan mana-mana akaun atau komunikasi yang mendakwa datangnya dari BIBD.

Melibatkan diri dengan perkhidmatan kewangan tidak berlesen membawa risiko yang serius, kerana operasi berkenaan berada di luar perlindungan kawal selia, menyebabkan individu terdedah kepada eksplotasi dan

penipuan.

Tawaran penipuan yang dibuat melalui media sosial, terutamanya daripada akaun yang tidak sah, direka untuk mengelirukan individu supaya berkongsi maklumat sensitif atau membuat pembayaran di bawah dakwaan palsu.

Pelanggan dinasihatkan supaya hanya berurusan dengan institusi yang sah dan saluran rasmi untuk melindungi kewangan dan data peribadi mereka.

Sehubungan itu, BIBD menasihati para pelanggan hanya dapatkan kemudahan pembiayaan daripada institusi kewangan yang dilesenkan oleh Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), elakkan tawaran pinjaman dalam talian atau skim pembiayaan yang dibuat melalui media sosial atau platform tidak rasmi yang lain.

Para pelanggan juga perlu mengesahkan bahawa mana-mana komunikasi atau tawaran yang mendakwa datang dari BIBD adalah daripada akaun media sosial rasmi BIBD, yang ditandakan dengan tanda *verified blue tick* yang disahkan di Instagram dan Facebook dan segera laporkan sebarang skim pembiayaan tidak berlesen atau aktiviti yang mencurigakan kepada pihak berkuasa yang berkaitan.

Oleh itu, sentiasa berwaspada dan lindungi diri awda daripada penipuan. Jika awda mempunyai sebarang keimbangan atau memerlukan bantuan, sila hubungi BIBD melalui Pusat Perhubungan BIBD di +673 2238181.

### Selamatkan Usus Awda.

### Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa Doktor awda hari ini atau layari [www.ppk.gov.bn](http://www.ppk.gov.bn)

\*Sasaran pemeriksaan:  
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

کمیتین کھسپت  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH



PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

**Pengajur Utama :** Majlis Perundungan Muslim dan Kampung Daudah Temburong

**Kerjasama :** جانن دايره نسخوونج  
JABATAN DAERAH TEMBURONG

**8th Brunei December Festival**

**KE TEMBURONG BISAI Edisi BORNEO BIKE GATHERING**

**12 DIS - 15 DIS 2024**

**KAWASAN PEKAN BANGAR DAERAH TEMBURONG**

**SUSUNAN ACARA**

<b>Khamis</b> <b>12 DIS</b>	8.00 pagi - Jualan KTB Tempat: Kawasan Pejalan Kaki dan Kawasan Dermaga
<b>Jumaat</b> <b>13 DIS</b>	8.00 malam - Pentas KTB [Persembahan Tausyeh] Tempat: Dermaga Pekan Bangar
<b>Sabtu</b> <b>14 DIS</b>	8.00 pagi - Jualan KTB Tempat: Kawasan Pejalan Kaki dan Kawasan Dermaga
<b>Ahad</b> <b>15 DIS</b>	8.00 pagi - Pertandingan Memancing Tempat: Dermaga Pekan Bangar
<b>Susun Acara</b>	3.00 petang - Majlis Pelancaran Program KTB Edisi Borneo Bike Gathering Tempat: Ruang Legar Kompleks Utama Bumiputera
<b>Susun Acara</b>	8.00 malam - Pentas KTB [Persembahan Mukun] Tempat: Dermaga Pekan Bangar
<b>Susun Acara</b>	8.00 pagi - Jualan KTB Tempat: Kawasan Pejalan Kaki dan Kawasan Dermaga
<b>Susun Acara</b>	8.00 pagi - Walkaton Amal Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 Tempat: Dermaga Pekan Bangar
<b>Susun Acara</b>	8.00 malam - Fun Night Ride Tempat: Dermaga Pekan Bangar
<b>Susun Acara</b>	8.30 malam - Pentas KTB [Live Band dan Gulintangan Tempat: Dermaga Pekan Bangar
<b>Susun Acara</b>	9.00 malam - 9 to 4 (Looping) Tempat: Kawasan Pekan Bangar
<b>Susun Acara</b>	8.00 pagi - Jualan KTB Tempat: Kawasan Pejalan Kaki dan Kawasan Dermaga
<b>Susun Acara</b>	10.00 pagi - Convoy Ride Tempat: Dermaga Diraja BSB ke Dermaga Pekan Bangar

Jabatan Daerah Temburong  
@jdtemburong  
Jabatan Daerah Temburong  
www.temburong.gov.bn  
5221110 / 7371265

# PESTA PENGGUNA, EKSPO PERDAGANGAN AKAN BERLANGSUNG 15-19 JANUARI 2025

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BERIBI**, Isnin, 9 Disember. - Pesta Pengguna (Consumer Fair - CF) dan Ekspo Perdagangan (Trade Expo) yang dinanti-nantikan oleh orang ramai bakal kembali lagi bagi edisi ke-30 yang akan bermula dari 15 Januari hingga 19 Januari 2025 selama lima hari dan akan diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

CF dan Ekspo Perdagangan akan dibuka untuk kunjungan orang ramai bermula pada jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam setiap hari, manakala ditutup sementara pada Jumaat dari jam 12.00 tengah hari hingga 2.00 petang.

Sehubungan dengan itu, D'Sunlit Sdn. Bhd. selaku pengajur pesta berkenaan mengadakan Majlis Penandatanganan Kerjasama bersama rakan-rakan kongsi yang akan turut sama menjayakan acara berkenaan.

Majlis Penandatanganan berkenaan berlangsung di Dewan Serbaguna D'Sunlit Sdn. Bhd. dan dihadiri oleh para wakil rakan rasmi acara dan rakan kongsi aktiviti.

Menandatangi bagi pihak D'Sunlit Sdn. Bhd. ialah Pengaruhnya, Dato Haji Danial bin Haji Hanafiah dan disaksikan oleh Pengurus Operasi, Ngu Tiing Siang.

Rakan-rakan kongsi yang menandatangi kerjasama bagi pesta berkenaan ialah Kedutaan Besar Republik Indonesia, Suruhanjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh, Brunei Press Sdn. Bhd., Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), NBT Brunei Sdn. Bhd.; Imagine Sdn. Bhd., Confer Sdn. Bhd., IBIC Sdn. Bhd., Aewon Garment & Embroidery, Kristal Media, Oregon Systems Brunei, MixMedia, Cuckoo International (B) Sdn. Bhd., Shaliz Waste Recycling Sdn. Bhd., Rano Adidas dan RSW Services Sdn. Bhd.

CF dan Ekspo Perdagangan Ke-30 berkenaan telah dijenamakan semula dengan mempunyai visi yang baharu bagi dipertingkatkan untuk memupuk perdagangan, kerjasama perniagaan dan perkongsian pengetahuan sambil menyokong kepelbagaian ekonomi Negara Brunei Darussalam (NBD) yang selaras dengan visi dan misi Wawasan Brunei 2035.

Turut dikenangkan pada acara itu nanti ialah Persidangan Pameran Pengguna (CONFAC) 2025 yang julung kali diadakan dan Business Matchmaking Event yang direka untuk menghubungkan pemimpin industri, usahawan dan pelabur.

Acara berkenaan juga akan menampilkan Zon Antarabangsa yang akan diadakan di Dewan Musyawarah untuk mempromosi perkongsian serantau dan peluang tentang peluang ekonomi.

Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME) juga akan diberi perhatian dalam memacu pertumbuhan ekonomi, kerana mereka mewakili 97 peratus daripada perusahaan aktif di NBD.

Salah satu acara kemuncak CF dan Ekspo Perdagangan berkenaan ialah Cabutan Bertuah Utama yang dinanti-nantikan dimana para pengunjung berpeluang memenangi hadiah menarik.

Hadiyah Cabutan Utama untuk edisi ke-30 ini, ialah sebuah Toyota Raize ditaja oleh NBT (Brunei) Sdn. Bhd., yang menjanjikan pengalaman yang tidak dapat dilupakan oleh pengunjung.

Selaras dengan usaha kelestarian, para pengunjung digalakkan untuk membawa beg boleh guna semula untuk keperluan membeli-belah mereka. Beg kitar semula edisi CF dengan

pelbagai reka bentuk juga akan dijalankan acara berkenaan.

Untuk pertanyaan lanjut, hubungi pengajur acara, D'Sunlit Sdn. Bhd. menerusi talian +673 2453666. Ikuti perkembangan terkini mengenai acara-acara berkenaan dengan melayari halaman Facebook rasmi D'Sunlit Sdn. Bhd., Brunei Consumer Fair, dan mengikuti Instagram @consumerfair.bn.

**SEKITAR** Majlis Penandatanganan Kerjasama bersama rakan-rakan kongsi yang akan turut sama menjayakan acara berkenaan yang diadakan di Dewan Serbaguna D'Sunlit Sdn. Bhd.



## Garis panduan kesihatan terkini melancong ke Arab Saudi

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 9 Disember. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Urusan Haji (JUH) ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai kenyataan terkini yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Arab Saudi mengenai garis panduan kesihatan bagi individu yang akan melancong ke Arab Saudi untuk menuaikan ibadat umrah atau membuat lawatan ke dua buah masjid suci bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi (Health Requirements and Recommendations for Travelers for Umrah and Visit 1446H / 2025M).

Kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Arab Saudi berkenaan menasihatkan semua individu yang akan melancong ke Arab Saudi untuk menuaikan ibadah umrah atau

membuat lawatan ke dua buah masjid suci supaya mengambil suntikan Vaksin Meningococcal Meningitis dan menyediakan dokumen yang menunjukkan individu-individu berkenaan telah menerima suntikan vaksin tersebut.

Selain itu, dikehendaki juga mengambil suntikan vaksin dan menyediakan dokumen yang menunjukkan individu-individu berkenaan telah menerima suntikan vaksin-vaksin berikut, iaitu SARS-COV-2 (COVID-19) yang terkini, Seasonal Influenza, dan lain-lain vaksin yang boleh mencegah penyakit seperti Measles, Mumps dan Rubella (MMR), Cacar dan sebagainya.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang rasmi JUH, KHEU di pautan juh.gov.bn.

## Bingka Ubi Kayu Kampung Bebuloh

### BAHAN-BAHANNYA :

- 4 cawan ubi kayu yang sudah diparut
- 1 ½ cawan santan pekat
- 1 cawan gula
- 2 biji telur
- ½ sudu teh garam
- 4 sudu makan minyak masak
- Sedikit esen vanila

Sedikit pewarna kuning

### CARA MEMBUATNYA :

Santan, gula, telur, garam, minyak dan esen vanila dikisar terlebih dahulu hingga sebati.

Tuang bahan-bahan yang sudah dikisar tadi ke dalam mangkuk

berisi ubi kayu yang diparut. Masukkan pewarna kuning dan gaul sebati. Sapu loyang dengan sedikit minyak dan tuang bahan-bahan tadi. Bakar selama 45 minit atau hingga masak tertakluk kepada ketuhar masing-masing.



Foto : Azmah Haji Ahad

PELITA BRUNEI, Rabu 16 Disember, 1964.

MUKA 3

# Pertandingan Bintang Radio Brunei

PERTANDINGAN DAERAH2 SERIA/BELAIT - 19 DIS. TUTONG - 25 DISEMBER  
DAERAH TEMBURONG - 26 DISEMBER DAN DAERAH BRUNEI/MUARA -

## 3 DAN 4 JANUARI

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Bintang Radio Kejohanan Sa-Negeri Brunei Tabon 1965 akan di-adakan di-Bandar Brunei pada Hari Raya Puasa yang keempat dalam bulan Februari akan datang.

Pertandingan untuk memilih penyanyi2 yang akan mewakili Daerah masing2 dalam pertandingan Bintang Radio Kejohanan Sa-Negeri Brunei akan di-adakan seperti berikut:

DAERAH BRUNEI/MUARA: Pada 3 dan 4 Januari, 1965 di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei.

DAERAH SERIA/BELAIT: Pada 19 Disember, 1964 di-Dewan Maktab Anthony Abell, Seria.

DAERAH TUTONG: Pada 25 Disember, 1964 di-Dewan Sekolah Melayu Muda Hashim, Bukit Bendera, Tutong.

DAERAH TEMBURONG: Pada 26 Disember, 1964 di-Dewan Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong.

Sa-beum di-langsungkan Pertandingan Bintang Radio Kejohanan Daerah2 tersebut, Pertandingan2 pemilehan bagi Daerah Brunei/Muara, Daerah Seria/Belait, dan Daerah Tutong telah pun di-adakan di-sebabkan ramai penyanyi2 telah mendaftarkan nama untuk masuk bertanding di-tiap2 Daerah itu.

Oleh kerana hanya 25 orang penyanyi-penyanyi lelaki dan wanita di-Daerah Temburong telah mendaftarkan nama untuk masuk bertanding dalam Pertandingan Bintang Radio Kejohanan Daerah Temburong, maka tidaklah di-adakan Pertandingan pemilehan di-Daerah itu dan semua para peserta, dengan sendiri-nya, telah di-pilih untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan Kejohanan Daerah Temburong yang akan di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar pada 26 Disember, 1964.

Chalon2 yang telah di-pilih untuk memasuki Pertandingan Bintang Radio Brunei, Peringkat Daerah2 Brunei/Muara, Seria/Belait dan Tutong ada-lah seperti di-bawah ini:

DAERAH BRUNEI/MUARA  
BAHAGIAN LELAKI:

1. M.S. Bakri; 2. Awg. Md. Yusof; 3. A. Razzak Mohammad; 4. Md. Yatin Wahab; 5. A.M. Nordin; 6. B.M. Taha; 7. Md. Zain Sahad; 8. Ismail Awg. Damit; 9. Ak. Puteh Pg. Manggong.

10. A. Rahman Yussof; 11. H.J. Muhammad; 12. Osman Nordin; 13. Ak. Emran Pg. Manai; 14. Yussof M.S.; 15. M. Roslin; 16. Idris Mohammad; 17. Abdullah A. Yussof; 18. Abu Bakar Metali; 19. Metali Hj. Ibrahim; 20. Zaini Omar; 21. A.T. Ahmad; 22. A.B. Shahari.

Semua penyanyi tersebut akan bertanding dalam Bahagian Asli dan Langgam.

23. Arpan Mohammad dan 24. Md. Diah (terpilih hanya dalam bahagian asli).

25. Majid Mohammad dan 26. Md. Noor Mohammad (terpilih hanya dalam bahagian langgam).

dalam bahagian langgam); 2. Maimun Salleh, asli dan langgam; 3. Dk Halimah Pg. Said (terpilih hanya dalam bahagian asli); 4. S. Mahani dan 5. P.I. Sunah, asli dan langgam. 6. Hasny Zainalabiddin (terpilih hanya dalam bahagian langgam).

13. M.S. Mustapha. Semua penyanyi tersebut akan bertanding dalam Bahagian Asli dan Langgam.

14. Jeffery Kassim (terpilih hanya dalam bahagian langgam).

### BAHAGIAN WANITA :

1. Saharah Abd. Hamid; 2. Saharah Abu Hanifah; 3. Sha'riah Md. Salleh; 4. Rosni Abd. Rahman; 5. Rusinah Murni; 6. Kamariah Md. Daud.

7. Noriah Edin; 8. Masni Ali; 9. Zaleha Manan; 10. Asmah Awg. Tengah; 11. Ajibah Md. Said dan 12. A.S. Zaharah.

Semua penyanyi tersebut akan bertanding dalam Bahagian Asli dan Langgam.

13. Siti Rahmat Salleh (terpilih hanya dalam bahagian langgam) dan 14. Sarah Ismail (terpilih hanya dalam bahagian asli).

### DAERAH TUTONG BAHAGIAN LELAKI :

1. Mahari Hamid; 2. J.M. Ibrahim; 3. Awg. Md. Adam; 4. Norhassan Edin; 5. A.S. Hamid; 6. Shamsuddin Idris; 7. Adli Jais.

8. Adnan Taha; 9. Tongsit Yassau; 10. H. Karchi; 11. Zain Md. Yussof; 12. Omar Khatam dan



Satu majlis menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 dalam Peraduan Lukisan Banchi Pertanian telah di-adakan di-bawangan sementara Sekolah Melayu S.M.J.A. pada pagi hari Khamis yang lalu. Dalam gambar ini kelihatan Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei I, Awang Shahbuddin bin Saleh menyampaikan hadiah kapada Ismail Bol Hassan, seorang murid Sekolah Melayu S.M.J.A. yang telah berjaya dalam peraduan tersebut.

## Peraduan Lukisan Banchi Pertanian

BANDAR BRUNEI. — Satu majlis menyampaikan hadiah2 kapada murid2 Sekolah Melayu Menengah S.M.J.A. yang berjaya dalam Peraduan Lukisan Banchi Pertanian telah di-adakan di-bawangan sementara Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei pada pagi 10 Disember, 1964.

Peraduan lukisan tersebut telah di-adakan di-bawah anjuran Jabatan Pertanian Negeri Brunei dalam bulan Ogos tahun ini.

Hadiyah2 telah di-sampaikan oleh Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei I, Awang Shahbuddin bin Saleh.

Kira2 500 keping lukisan telah di-lukiskan oleh para peserta peraduan tersebut dan lukisan2 itu telah di-sibarkan di-seluruh negeri ini.

Sembilan orang, ia-itu 7 orang murid2 lelaki dan 2 orang murid2 perempuan telah berjaya dalam peraduan tersebut.

Mereka ia-lah: Ismail bin Bol Hasan, Abdul Karim bin Ahmad, Zaini bin Tuah, Ahmad bin Bunut, Sa'adiah binti Mohamed Yusof, Rahmah binti Jaludin, Durahim bin Hassan, "Adek Kelana Suraya" ia-itu Awangku Sulaiman bin Pengiran Metali dan Ahmad bin Selamat.

## WAKTU2 SEMBAHYANG, AMSAK DAN MATA-HARI TERBIT

Waktu2 sembahyang, amsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 16 Disember hingga ka-hari Khamis 31 Disember, 1964 ada-lah seperti di-bawah ini:

Hari	Matahari						
Bulan	Amsak	Suboh	Terbit	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
16	4.47	5.02	6.20	12.21	3.40	6.16	7.31
17	4.48	5.03	6.21	12.22	3.41	6.17	7.32
18	4.48	5.03	6.21	12.22	3.41	6.17	7.32
19	4.49	5.04	6.22	12.23	3.42	6.18	7.33
20	4.49	5.04	6.22	12.23	3.42	6.18	7.33
21	4.50	5.05	6.23	12.24	3.43	6.19	7.34
22	4.50	5.05	6.23	12.24	3.43	6.19	7.34
23	4.51	5.06	6.24	12.25	3.44	6.20	7.35
24	4.51	5.06	6.24	12.25	3.44	6.20	7.35
25	4.52	5.07	6.25	12.26	3.45	6.21	7.36
26	4.52	5.07	6.25	12.26	3.45	6.21	7.36
27	4.52	5.07	6.25	12.26	3.45	6.21	7.36
28	4.53	5.08	6.26	12.27	3.46	6.22	7.37
29	4.53	5.08	6.26	12.27	3.46	6.23	7.38
30	4.54	5.09	6.27	12.28	3.47	6.23	7.38
31	4.54	5.09	6.27	12.28	3.47	6.24	7.39

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.



# Hargai semangat keikhlasan, pengorbanan sukarelawan

Oleh : Norliah Md. Zain  
Foto : Jabatan Penerangan

**S**UKARELAWAN merupakan seseorang yang menawarkan masa, usaha atau perkhidmatan mereka untuk sesuatu tujuan atau aktiviti tanpa mengharapkan apa-apa ganjaran. Sukarelawan biasanya terlibat dalam aktiviti yang bertujuan untuk membantu orang lain atau menyumbang kepada masyarakat sosial seperti kerja komuniti, acara amal, usaha bantuan bencana atau perlindungan alam sekitar.

Peranan mereka dalam masyarakat amat diperlukan kerana sumbangan kecil mereka boleh saja memberi makna besar terutama kepada mereka yang memerlukan.

Pentingnya sukarelawan kepada negara kerana mereka dapat membantu meringankan beban kerajaan kerana mereka sering memberikan sokongan tambahan di lapangan, membolehkan lebih banyak sumber untuk digunakan terutama dalam bantuan bencana malahan juga pada bidang yang lain seperti pendidikan dan kesihatan.

Daripada kerjasama sukarelawan juga dapat mengenal pasti dan menangani isu-isu tempatan, meningkatkan kesedaran tentang isu sosial serta memperbaiki kualiti hidup masyarakat. Aktiviti yang dilaksanakan juga boleh membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat dan mengurangkan jurang kemiskinan. Melalui kerja sukarela juga, orang ramai lebih peka terhadap isu-isu kemanusiaan dan keperluan masyarakat yang memerlukan bantuan.

Menyedari kepentingan ini, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menjadikan 5 Disember setiap tahun sebagai Hari Sukarelawan Antarabangsa. Negara Brunei

Darussalam (NBD) telah turut serta meraikannya sejak tahun 2012 lagi.

Ia dilihat sebagai peluang unik bagi sukarelawan dan organisasi untuk meraikan usaha, berkongsi dan mempromosi kerja mereka serta menyumbang kepada perdamaian dan pembangunan dengan menyokong pengiktirafan sukarelawan dan bekerjasama dengan rakan-rakan untuk mengintegrasikan sukarelawan ke dalam program pembangunan.

Di NBD, kita berbangga dengan penglibatan aktif para sukarelawan belia kita melalui platform seperti aplikasi Mengalinga dan inisiatif lain di bawah agensi-agensi kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak swasta.

Kempen Hari Bertindak (Day of Action) sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2024 diadakan serentak di keempat-empat daerah pada Ahad, 8 Disember 2025 yang diungkapayakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan.

Majlis Sambutan dan Penghargaan Kempen Hari Bertindak telah diadakan di Kompleks Sukan Mumong. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid. Turut hadir sama selaku tetamu khas majlis ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Pada majlis itu, telah diadakan penyampaian sijil dan plak penghargaan kepada lima *trailblazers* dan lima *highflyers* aplikasi Mengalinga bagi Sesi 2023 - 2024.

Sementara di daerah lain pula, bagi Daerah Brunei dan Muara ia diadakan

bermula di Masjid Kampung Lambak; di Daerah Tutong, bermula di Kompleks Sukan Tutong; di Daerah Temburong, bermula di kawasan Dewan Kemasyarakatan Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie.

Sementara itu, Maraton Aktiviti Sukarelawan telah bermula pada 11 November 2024 dan akan diadakan hingga 31 Januari 2025. Lebih 100 aktiviti telah disusun setakat ini bagi Kempen Hari Bertindak 2024 seluruh negara dengan melibatkan lebih daripada pelbagai agensi kerajaan, swasta, persatuan / pergerakan belia, NGO, Majlis Perundungan Kampung dan sekolah-sekolah.

Kempen Hari Bertindak pada tahun ini mempunyai sembilan kluster program iaitu Hak Asasi Haiwan; Kemasyarakatan; Keusahawanan Sosial; Kesenian dan Kebudayaan; Pembangunan Belia; Pendidikan; Inisiatif Hijau; Bantuan Bencana; dan Kerohanian dan Keagamaan.

Pendaftaran bagi menyertai aktiviti Kempen Hari Bertindak ini telah pun dibuka bermula 12 September 2024 hingga 16 Januari 2025. Sebarang maklumat mengenai aktiviti-aktiviti Kempen Hari Bertindak boleh diperoleh melalui aplikasi Mengalinga serta Instagram @jbs.bn, @dayofaction.brunei dan @hab.belia.

Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa bertujuan untuk menyediakan platform bagi mengumpulkan masyarakat NBD dalam pembangunan semangat kesukarelawanan serta menjadi lambang perpaduan dan usaha di pelbagai peringkat masyarakat menuju ke arah perubahan melalui pendekatan bersama dan bekerjasama.

Objektif utama sambutan adalah sebagai

wadah bagi mengumpulkan masyarakat ke arah memupuk semangat kesukarelawanan, di samping memberi penghargaan kepada sukarelawan dan organisasi yang aktif dalam kerja-kerja sukarela melalui penggunaan aplikasi Mengalinga.

Ita juga dapat memperkuuhkan budaya perpaduan dalam kalangan masyarakat dalam melaksanakan kerja-kerja yang bermanfaat serta memberikan kefahaman mengenai konsep kesukarelawanan melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Pada Hari Sukarelawan Antarabangsa ini marilah kita raikan semangat luar biasa mereka yang telah mendedikasikan masa dan tenaga untuk meningkatkan kemajuan komuniti. Pada tahun ini penumpuan diberikan kepada pelbagai usaha ke arah mencapai Inisiatif Pembangunan Mampan. Ini amat bertepatan dengan matlamat kita dalam mencapai Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam memperkuuhkan masyarakat yang inklusif, harmoni dan lestari.

Fokus tahun ini mengingatkan kita bahawa sukarelawan adalah agen perubahan yang memainkan peranan penting dalam sama-sama mencapai Matlamat Pembangunan Mampan. Pada era yang penuh dengan cabaran baik di peringkat nasional, serantau dan global seperti perubahan iklim, ketidaksamaan sosial dan kemiskinan, sukarelawan menjadi pemangkin kepada solusi kreatif dan praktikal dalam masyarakat.

Marilah sama-sama kita raikan semangat keikhlasan dan pengorbanan para sukarelawan dan semoga usaha mereka diberkati dan menjadi satu legasi berharga kepada generasi akan datang.



# TEMPAHAN PAKEJ UMRAH MUSIM CUTI PERSEKOLAHAN MENINGKAT



MENUNAIKAN ibadah umrah pada bulan Disember merupakan pilihan tertinggi sepanjang cuti sekolah (atas dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 9 Disember. — Cuti sekolah yang panjang pada Disember merupakan saat yang sangat dinanti-nantikan oleh sebahagian besar rakyat dan penduduk di negara ini untuk menikmati peluang bercuti bersama keluarga dan anak-anak untuk berehat dan beriadah.

Kesempatan percutian sekolah akhir tahun ini turut dimanfaatkan oleh para ibu bapa khususnya bagi mereka yang bekerja untuk mengambil cuti tahunan daripada majikan masing-masing.

Sebagaimana lazimnya apabila tiba Disember, banyak yang mengambil peluang untuk bercuti keluar negara dengan membuat lawatan ke negara-negara jauh mahupun dekat.

Bagi segolongan masyarakat di negara ini, ada yang memilih untuk berkunjung ke kota-kota suci Mekah dan Madinah di Arab Saudi bagi mengerjakan ibadah umrah semasa bercuti.

Pilihan untuk menuaikan

ibadah umrah pada bulan Disember ternyata mendapat permintaan tinggi.

Antara faktor berkenaan mungkin disebabkan cuaca di Mekah dan Madinah pada hujung tahun adalah lebih sejuk berbanding bulan-bulan lain seperti Jun, Julai, atau Ogos dan suhu sejuk ini membuatkan jemaah lebih selesa menjalani ibadah.

Bukan itu sahaja, agensi-agensi pelancongan terutamanya pengendali umrah juga mengambil kesempatan cuti Disember dengan menawarkan pakej umrah dengan harga menarik dan berpatutan.

Salah sebuah syarikat perkhidmatan pelancongan dan umrah yang baharu bertapak di negara ini, iaitu Az Zain Travel & Tours Sdn. Bhd. turut menerima permintaan tinggi daripada orang ramai yang ingin melaksanakan ibadah umrah pada Disember ini melalui pakej perkhidmatan mereka.

"Permintaan untuk umrah pada Disember cukup menggalakkan.

Alhamdulillah. Walaupun Az Zain Travel & Tours Sdn. Bhd. baru beroperasi selama dua bulan, kami bersyukur kerana sudah ada jemaah yang memberi kepercayaan dan memilih kami untuk menyertai rombongan umrah bersama Az Zain Travel & Tours Sdn. Bhd.

"Selain itu, Disember juga merupakan masa yang sesuai untuk jemaah menikmati cuaca yang lebih sejuk di Tanah Suci, menjadikannya lebih selesa untuk melaksanakan ibadah.

"Kami melihat peningkatan dalam jumlah pendaftaran, termasuk mereka yang memilih pakej berkumpulan serta Pakej Umrah Flexible Independent Traveller (FIT) yang lebih fleksibel," demikian jelas Pengurus Az Zain Travel & Tours Sdn. Bhd., Pengiran Harun bin Pengiran Haji Mohd. Zinah.

Di Az Zain Travel & Tours Sdn. Bhd. jelasnya lagi, mereka menawarkan pelbagai perkhidmatan termasuk Pakej Cuti



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Ihsan Yusrin Junaidi

Pelancongan, Pakej Umrah dan Pakej Umrah Persendirian FIT.

Selain itu tambahnya, pihaknya juga menyediakan perkhidmatan tempahan hotel dan tiket penerbangan untuk memastikan pengalaman perjalanan yang mudah dan lancar.

Menurutnya, antara Pakej Umrah yang ditawarkan bagi memenuhi keperluan pelbagai pelanggan, termasuk Umrah 36 Hari, Pakej Awal Ramadan dan Akhir Ramadan, Pakej Umrah Customizable (FIT) dan Pakej Umrah Zawjain.

Menyentuh tentang Pakej Umrah pilihan jemaah pula jelasnya, sesetengah jemaah lebih selesa dengan pakej yang sudah diaturkan oleh pihak syarikat, kerana ia lebih mudah, praktikal,

dan tidak memerlukan banyak perancangan.

"Dengan pakej yang sudah diatur, jemaah boleh menikmati perjalanan tanpa perlu risau tentang logistik atau tempahan."

"Namun ada juga jemaah yang memilih Pakej FIT kerana ia memberikan fleksibiliti lebih tinggi dan mereka boleh menyesuaikan perjalanan mengikut keperluan, jadual peribadi, dan pilihan penginapan yang lebih sesuai dengan bajet mereka."

"Kedua-dua pilihan ini mempunyai kelebihan tersendiri, dan kami di Az Zain Travel & Tours Sdn. Bhd. sentiasa bersedia untuk memenuhi keperluan jemaah mengikut apa yang mereka inginkan," ujarnya.



## Didenda BND5,000 akibat miliki pelbagai jenis vape

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BELAIT**, Isnin, 9 Disember. — Mahkamah Majistret Kuala Belait di sini menjatuhkan hukuman denda sebanyak BND5,000 atau lima bulan pemerlapan jika gagal membayar denda berkenaan terhadap seorang lelaki warga tempatan atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah

Eksais 2006.

Majistret, Abdul 'Azim bin Othman memutuskan hukuman terabit selepas Mohammad Hafiyuddin bin Haji Mohammad Hassanal Mega (defendant), 35 tahun, mengaku bersalah atas kesalahan kerana memiliki 11 unit vape pelbagai jenis tanpa permit dan kebenaran yang

sah.

Defendant ditangkap di Pos Kawalan Sungai Tujuh, Kuala Belait (Bahagian Kenderaan Masuk) oleh pegawai Pemeriksa Kastam pada 23 Mac 2024, jam 6.25 petang.

Sementara, semua barang yang terlibat, iaitu vape dihukum rampas untuk diserahkan kepada pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.



## PENTING

**IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP**

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

TIDAK DIPERAKUAN

**SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR**

**DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR**

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. Sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak lengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tanda gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

**BARU**

Definisi permohonan: Permohonan yang diluluskan

Definisi maklumat lengkap: maklumat lengkap dan akurat yang relevan dengan posisi yang dipohon

Definisi maklumat teratur: maklumat yang diperlukan untuk memenuhi persyaratan posisi yang dipohon

Definisi maklumat lengkap dan akurat: maklumat lengkap dan akurat yang relevan dengan posisi yang dipohon

Definisi maklumat lengkap dan akurat: maklumat lengkap dan akurat yang relevan dengan posisi yang dipohon

# OPERASI KABAT JIPK DAPATI PELBAGAI KESALAHAN IMIGRESEN

**Siaran Akhbar dan Foto :**  
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 10 Disember. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) melaksanakan satu operasi penguat kuasa undang-undang di bawah Operasi Kabat 134 / 2024 yang menyasarkan beberapa buah lokasi di Mukim Gadong.

Pemeriksaan dijalankan ke atas lima warga asing dan seorang daripadanya telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan.

Selain itu, JIPK juga turut mengongsikan empat kes pendakwaan yang dijalankan di

bawah Akta Imigresen, Penggal 17 seperti berikut iaitu Imam Suwardini, seorang lelaki warganegara Indonesia berumur 55 tahun telah pun dijatuhi hukuman denda sebanyak BND9,000 atau tiga bulan penjara jika gagal membayar denda berkenaan setelah beliau mengaku bersalah melanggar di bawah Bab 55(1)(e) Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu memberi pekerjaan kepada pesalah-pesalah imigresen.

Manakala Hanifuddin, lelaki warganegara Indonesia berumur 34 tahun juga turut dijatuhi hukuman lima bulan penjara dan tiga kali sebatan kerana mengaku bersalah melanggar di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17, iaitu tinggal lebih masa di Negara Brunei Darussalam (NBD) setelah

Pas Imigresennya mansuh.

Sementara dua lagi lelaki warganegara Indonesia, iaitu Sarjono, 42 tahun dan Nur Rohman, 36 tahun, masing-masing turut dijatuhi hukuman penjara selama empat bulan dan tiga kali sebatan setelah mengaku bersalah melanggar di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di NBD setelah Pas Imigresen mereka mansuh.

Hukuman berkuat kuasa mulai dari hari pertama mereka direman, iaitu pada 28 November 2024. Sesi pendakwaan dibuat di hadapan Majistret Hajah Normazdina binti Haji Md. Maskub dan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa JIPK, Awang Haminah binti Haji Awang Salleh.

Kes-kes berkenaan adalah susulan daripada Operasi Kabat 132/2024 yang dijalankan oleh JIPK sebelum ini di tempat tinggal pekerja asing di Mukim Kota Batu.

JIPK mengalu-alukan orang



JABATAN Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan semasa melaksanakan satu operasi penguat kuasa undang-undang di bawah Operasi Kabat 134/2024.

ramai bagi sama-sama JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

## Sumbangan derma kepada 170 anak yatim, kurang berkemampuan

**Siaran Akhbar dan Foto :** Persatuan Wardah Amal Jariah Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 9 Disember. - Persatuan Wardah Amal Jariah Brunei baru-baru ini mengadakan Agihan Bantuan Kelengkapan Sekolah bagi 2025 untuk anak-anak yatim dan anak-anak kurang berkemampuan.

Seramai 170 orang menerima bantuan berkenaan dan agihan bantuan tersebut diadakan di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Antara objektif acara berkenaan diadakan adalah untuk sama-sama berkongsi rezeki bersama anak-anak yatim dan anak-anak kurang berkemampuan.

Selain itu, dengan bantuan berkenaan diharapkan akan dapat memberi manfaat, kebaikan dan dapat membantu serba sedikit



AGIHAN Bantuan Kelengkapan Sekolah bagi 2025 untuk anak-anak yatim dan anak-anak kurang berkemampuan diadakan di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

**Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 10 Disember. - Bahagian Siasatan Jenayah Siber (BSJS) Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memaklumkan bahawa pada 13 November hingga 5 Disember 2024, sebanyak 12 warga tempatan telah ditangkap kerana disyaki menjadi keldai akaun kepada sindiket jenayah siber.

Jumlah tangkapan tersebut terdiri daripada lapan lelaki dan empat perempuan dengan lingkungan umur antara 23 hingga 53 tahun.


Modus operandi mereka yang ditangkap adalah dengan menyewakan akaun bank dan juga mendaftarkan Kad SIM kepada orang yang tidak dikenali dengan dibayar komisen. Kad SIM tersebut yang telah pun digunakan untuk menipu manakala akaun - akaun bank tersebut digunakan untuk mengalihkan wang hasil penipuan sebelum dipindahkan kepada orang yang tidak dikenali.

Salah seorang yang ditangkap didapati telah mengakses akaun bank ahli keluarga terdekat untuk memindahkan wang kepada akaun lain. Siasatan awal terhadap kes-kes ini telah mendedahkan kerugian melebihi BND5,000.

Mereka yang ditangkap akan dihadapkan ke mahkamah atas kesalahan Seksyen 109 Persubahatan dalam mana-mana kesalahan, Seksyen 120B Konspirasi Jenayah, Seksyen 414 Membantu dalam penyembunyian atau pelupusan harta curi, Seksyen 419 / 420 Penipuan di bawah Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22, Seksyen 5 Akta Penyalahgunaan Komputer Penggal 194 iaitu akses tanpa kebenaran akaun bank dan

maklumat peribadi daripada sesiapa yang dikenali dari media sosial. PPDB akan terus memantau dan mengambil tindakan tegas terhadap pelaku jenayah siber demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat.

Kerjasama orang ramai amat dihargai dalam meningkatkan kesedaran mengenai taktik penipuan ini di kalangan keluarga dan rakan-rakan. Kesedaran dan kewaspadaan bersama adalah kunci untuk mencegah jenayah sebegini daripada terus berleluasa.



[www.mkkjr.gov.bn](http://www.mkkjr.gov.bn)

# WARGA TEMPATAN DITANGKAP TERLIBAT SELUDUP BARANG TEGAHAN

Siaran Akbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**TEMBURONG,** Isnin, 9 Disember. - Balai Polis Temburong, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah menjalankan satu Operasi

tegahan.

Operasi tersebut dijalankan berdasarkan maklumat perisikan yang mana pihak polis berjaya mendapati tempat penyimpanan beberapa karton rokok pelbagai jenis yang diseludup iaitu di sebuah kawasan pondok penjualan makanan yang juga dipercayai digunakan sebagai tempat penjualan barang tegahan berkenaan.

Hasil operasi berkenaan berjaya menangkap seorang warga tempatan yang disyaki terlibat serta 265 kotak rokok pelbagai jenis yang dipercayai diseludup dari negara jiran.

Kes tersebut dilaporkan di Balai Polis Bangar untuk penyerahan siasatan ke Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei (JKED) bagi tindakan selanjutnya.

Pihak PPDB ingin mengingatkan orang ramai untuk tidak melibatkan diri

dari negara jiran.

Operasi tersebut dijalankan berdasarkan maklumat perisikan yang mana pihak polis berjaya mendapati tempat penyimpanan beberapa karton rokok pelbagai jenis yang dipercayai digunakan sebagai tempat penjualan barang tegahan berkenaan.



ANTARA barang tegahan yang berhasil didapati semasa operasi berkenaan (atas dan kiri).

dengan aktiviti-aktiviti jenayah dan melanggar undang-undang negara yang hanya mendatangkan kerugian pada diri sendiri dan keluarga.

Dalam pada itu, PPDB akan

sentiasa bergiat aktif dalam usaha pembantusan dan pengekangan terhadap kegiatan penyeludupan dan penjualan barang tegahan di negara ini.

## 19 individu, 3 syarikat dikenakan kompaun



HASIL Operasi Bersih 18/2024 dan 19/2024 di kawasan Kampung Parit, kawasan Gadong dan sekitarnya (atas dan bawah).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 10 Disember. - Bahagian Pengawalan dan Penguatkuasaan Bandar, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan (BSB) telah melaksanakan Operasi Bersih

18/2024 dan 19/2024 di kawasan Kampung Parit, kawasan Gadong dan sekitarnya.

Hasil operasi tersebut sepanjang tempoh bulan November 2024 telah mencatatkan seramai 19

individu dan tiga buah syarikat dikenakan kompaun keseluruhan berjumlah BND4,800 kerana didapati melakukan kesalahan di bawah Bab 12 Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian Pindaan 2021 (Miscellaneous Offences Act) Penggal 30 iaitu membuang sampah di tempat awam dan laluan awam.

Manakala sebanyak tujuh buah kenderaan terbiar yang diletakkan tanpa kebenaran di kawasan Letak Kereta Kampung Pengkalan Gadong, Kampung Beribi dan Kampung Madewa telah dipindahkan ke tapak pelupusan oleh syarikat yang dilantik oleh Jabatan Pengangkutan Darat melalui Jawatankuasa Abandoned Vehicles Nationwide Clean-Up Project.

Menurut pindaan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian Pindaan 2021 (Miscellaneous Offences Act) Penggal 30, kadar kompaun bagi mana-mana individu atau badan korporat yang dikeluarkan kompaun bagi kesalahan di bawah Bab 12 atau mana-mana kesalahan.

Bagi individu, denda kompaun tidak melebihi BND1,000 manakala bagi badan korporat, denda kompaun tidak melebihi BND2,000.

Sementara itu, bagi kesalahan yang dilakukan oleh individu atau badan korporat yang gagal membayar kompaun dan diambil tindakan melalui mahkamah, hukuman adalah seperti berikut.

Mana-mana individu yang melakukan kesalahan di bawah bab ini, jika didapati bersalah, boleh dikenakan denda tidak kurang daripada BND1,000 dan tidak melebihi BND3,000 bagi kesalahan pertama. Bagi kesalahan kedua atau berikutnya, denda tidak kurang daripada BND3,000 dan tidak melebihi BND9,000, penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Bagi badan korporat yang melakukan kesalahan pertama, denda tidak kurang daripada BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000. Bagi kesalahan kedua atau berikutnya, denda tidak kurang daripada BND10,000

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan


dan tidak melebihi BND30,000, penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Dalam kes - kes tersebut, individu dan syarikat yang terlibat dikehendaki membayar kompaun masing - masing di Bahagian Kewangan, Tingkat 3, Bangunan Jabatan Bandaran BSB, Jalan Perdana Menteri dalam tempoh tujuh hari.

Jabatan Bandaran BSB mengingatkan semua individu serta pemilik atau penyewa bangunan agar bersama-sama

menjaga keindahan, kebersihan, keselamatan dan kesejahteraan BSB.

Pada masa yang sama, jabatan ini mengalu-alukan orang ramai untuk mengemukakan sebarang aduan dan berkongsi maklumat menerusi Talian e-Darussalam 123 atau e-mel ke [Info@123.gov.bn](mailto:Info@123.gov.bn) atau layari laman sesawang [www.123.gov.bn](http://www.123.gov.bn) atau WhatsApp +673 8333123 atau Hotline Bahagian Pengawalan dan Penguatkuasaan Bandar +673 7291122.





ePaper Pelita Brunei



## BARD'S 78 FT JULANG PIALA YAKIN MADANI FUTSAL LEAGUE 2024

Siaran Akhbar dan Foto : HiTUNE Group of Companies



MAJLIS Penyampaian Piala Kejohanan Yakin Madani Futsal League (YMFL) 2024 disampaikan oleh tetamu kehormat majlis, Ahli Parlimen Miri, Yang Berhormat Chiew Choo Man.

MIRI, Isnin, 9 Disember. - Bard's 78 FT berjaya merangkul Piala Yakin Madani Futsal League (YMFL) 2024 selepas menafikan cabaran sengit MZJ FT dengan kedudukan 6 - 5 pada perlawanan akhir

Kejohanan YMFL yang berlangsung pada Ahad lalu di Stadium Tertutup, Miri, Sarawak.

Kejayaan cemerlang berkenaan dimeriahkan lagi apabila penyerang lincah

Bard's 78 FT, Mohd Shafarisman Anuar dianugerahkan sebagai Pemain Terbaik yang juga menggenggam Anugerah Penjaring Terbanyak sementara rakannya, Hailery Jimsani dinobatkan Penjaga Gol Terbaik.

Bard's 78 FT yang menampilkan barisan para pemain berpotensi berjaya membawa pulang hadiah sebanyak RM5,000 dan pingat yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis, Ahli Parlimen Miri, Yang Berhormat Chiew Choo Man.

Manakala naib juara, iaitu MZJ FT yang akur dengan kekalahan tipis berjaya membawa pulang hadiah sebanyak RM3,000 dan pingat yang disampaikan oleh Pengarah Urusan HiTUNE Group of Companies dan Yakin Football League (YFL), Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang.

Sementara Dasan Rovers FT yang menduduki tempat ketiga menerima hadiah sebanyak RM2,000 dan pingat yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif HiTUNE Group of Companies dan YFL, Dayang Hernah Nur Imani binti Muhd. Jeffery.

HiTUNE Group of Companies dan YFL menjadi penaja premium bagi Kejohanan

Futsal yang diadakan sepanjang tiga bulan lalu dan Kelab Rekreasi Wira Jaya selaku Penyelaras Kejohanan.

Pengarah Urusan HiTUNE Group of Companies dan YFL menjelaskan kejohanan YMFL 2024 bukan sahaja menjadi medan untuk menampilkan kemahiran dan strategi perlawanan tetapi juga menjadi bukti nilai-nilai persahabatan, disiplin dan semangat kesukaran yang tinggi.

"Harapan kami agar kejohanan menjadi landasan terbaik bagi membantu membangunkan dan mengembangkan futsal di Miri ini, yang juga sebagai satu platform pembangunan bakat muda dan yang penting ialah pengukuhan perpaduan masyarakat," jelasnya.

Kejohanan Futsal terbesar di Miri berkenaan juga diharapkan sebagai usaha untuk merapatkan hubungan menerusi sukan di samping sebagai pemangkin perkembangan futsal di Miri, Sarawak.

Sebanyak lapan pasukan menyertai kejohanan berkenaan termasuk Futbolismo FT, Bard's 78 FT, Dasarn Rovers, Wirajaya SSC, IPD Miri, Vendetta FT, SS5 dan MZJ FT.

## Permata Hijau juara Kejohanan Bola Sepak 7 Orang Sepasukan

PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong semasa sesi bergambar ramai (kanan). Manakala gambar bawah kanan, aksi para pemain pada perlawanan berkenaan.

TEMBURONG, Isnin, 9 Disember. - Permata Hijau berjaya menjulang piala kejuaraan Kejohanan Bola Sepak 7 Orang Sepasukan Kategori Veteran 50 Tahun Ke Atas setelah menewaskan PSJD A, sekali gus menduduki naib juara dengan jaringan 3 - 2 melalui tendangan penalti *sudden death* setelah seri 0 - 0 sepenuh masa.

Kejohanan berkenaan dianjurkan oleh Persatuan Lun Bawang Murut Brunei (PLBMB) bersempena Pesta Irau Tupeh Padey Tahun 2024 yang diadakan baru-baru ini di Padang Kompleks Sukan Temburong.

Manakala tempat ketiga disandang bersama oleh Mumtaz dan TJ FT. Sementara itu, Anugerah Pemain Terbaik kejohanan dimenangi oleh



Berita dan Foto : Ihsan Persatuan Lun Bawang Murut Brunei

Panatui Abd. Wahab dari Permata Hijau.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.

Kejohanan yang julung kali diadakan berkenaan menyaksikan enam pasukan dari

Negara Brunei Darussalam (NBD) dan satu pasukan jemputan dari Sarawak bertanding merebut piala kejohanan.

Objektif kejohanan adalah untuk mempromosi pembangunan sukan bola sepak di NBD, selain meningkatkan semangat kesukaran dan memupuk hubungan silaturahim di antara para pemain.



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

**BERJIMAT CERMAT HIDUP PENUH RAHMAT, BERKAT**